

**Kertas Perintah CMD.13 Tahun 2024
MALAYSIA**

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT MENURUT PERINTAH

**TINJAUAN FISKAL DAN
ANGGARAN HASIL KERAJAAN
PERSEKUTUAN 2025**

**KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA**

Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Setiausaha Bahagian,
Bahagian Fiskal dan Ekonomi,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras 9, Blok Tengah,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya

Faks : 03-88823881
e-mel : fed@treasury.gov.my

Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Belanjawan Tahunan.

Edisi 2025 diterbitkan pada 18 Oktober 2024.

Data dan analisis yang terkandung dalam dokumen Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2025 disediakan oleh kakitangan Kementerian Kewangan. Usaha telah diambil untuk memastikan garis masa dipatuhi serta ketepatan dan keterangkuman maklumat semasa penyediaan dokumen ini. Sekiranya terdapat ralat, pindaan akan dibuat dalam edisi digital seperti di laman sesawang Kementerian Kewangan.

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:
www.mof.gov.my



PRAKATA

Kerajaan MADANI secara berterusan merealisasikan pertumbuhan negara yang stabil sejak 2022. Momentum pertumbuhan pada separuh pertama 2024 bertumbuh pesat kepada 5.1%. Kerajaan menjangkakan pertumbuhan yang kukuh bagi 2024 iaitu di ambang 4.8% dan 5.3%, didorong oleh permintaan domestik yang teguh serta peningkatan dalam sektor perdagangan dan pelaburan. Sementara itu, rizab antarabangsa kekal mencukupi dengan pengukuhan ringgit berbanding dolar AS yang mengatasi prestasi kebanyakan mata wang di rantau ini, manakala momentum positif pasaran ekonomi kekal melonjak dengan sentimen pasaran global yang memberangsangkan. Ini mencerminkan persekitaran pasaran dan iklim pelaburan yang menggalakkan untuk terus menyokong pertumbuhan ekonomi negara.



**MENTERI KEWANGAN
MALAYSIA**

Ketahanan kita bertunjangkan kepada asas ekonomi yang kukuh dan pembaharuan strategik yang terus menyokong kemajuan ke arah masa hadapan. Ini membuktikan keberkesanan usaha kerjasama Kerajaan dengan pelbagai pihak untuk menggapai wawasan strategik di bawah kerangka Ekonomi MADANI serta pelaksanaan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Strategi Semikonduktor Nasional. Kerangka ini telah meletakkan asas yang kukuh untuk memajukan negara dan penting bagi memacu Malaysia ke arah ekonomi yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. Tatkala kita mendepani cabaran, trajektori ekonomi negara terus mencerminkan kekuatan dan kebolehsuaian dasar-dasar kita, seterusnya mempamerkan kelebihan daya saing negara.

Ikhtiar pembaharuan bersepadu yang dilaksanakan oleh Kerajaan berjaya meningkatkan keyakinan pelabur dan dibuktikan melalui peningkatan prospek pelaburan yang memberangsangkan. Jumlah pelaburan yang diluluskan melonjak sebanyak 18% kepada RM160 bilion bagi tempoh separuh pertama 2024. Di samping itu, di bawah program GEAR-uP, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan telah diperkasa untuk memacu pertumbuhan domestik melalui pelaburan langsung domestik bersasar melibatkan RM120 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang. Kerajaan juga menjangkakan pelaburan asing turut membawa masuk pengetahuan teknologi termaju, manakala pelaburan domestik pula akan terus menyokong industri tempatan, khususnya PKS, dalam membangunkan dan meningkatkan keupayaan operasi serta jaringan perniagaan. Pendekatan ini sekali gus akan melengkapkan usaha Kerajaan dalam mempertingkatkan daya saing, memacu pertumbuhan ekonomi serta mewujudkan peluang pekerjaan yang berkualiti tinggi.

Hatta, Kerajaan beriltizam untuk bekerjasama dengan sektor swasta melalui pendekatan seluruh negara, demi memastikan Malaysia berada di barisan hadapan ekonomi global. Perkhidmatan awam yang cekap adalah antara tonggak utama dalam mengangkat martabat negara. Sehubungan itu, Kerajaan MADANI komited untuk memperkasa penyampaian perkhidmatan awam serta tata kelola bagi memenuhi keperluan komuniti pelaburan dan perniagaan, di samping memudahkan cara urusan perniagaan dalam negara. Bagi menambah baik produktiviti perkhidmatan awam, sistem saraan perkhidmatan awam yang baharu telah diperkenalkan. Sementara itu, usaha membanteras rasuah akan terus menjadi agenda utama dalam memastikan ketelusan, akauntabiliti dan integriti pada semua peringkat. Pada masa yang sama, pendigitalan juga akan berperanan sebagai pemangkin utama untuk mengurangkan birokrasi, menambah baik proses dan meningkatkan kecekapan merentasi semua sektor.

Dasar fiskal Malaysia kekal teguh pada landasan konsolidasi, dengan matlamat untuk membina semula penampakan fiskal serta memperkukuh daya tahan kewangan negara. Kerajaan terus mempergiat pelaksanaan pelbagai langkah peningkatan hasil secara berkesan, di samping memastikan pembaharuan fiskal tersebut dilaksanakan tanpa menjejaskan kelangsungan perniagaan atau menambah beban yang dikendong oleh rakyat. Pada masa yang sama, perbelanjaan negara akan terus diurus secara cermat melalui amalan fiskal berhemat, demi memastikan khazanah negara diagihkan dengan cekap, selaras dengan keutamaan strategik ekonomi Malaysia. Dalam hal ini, pelaksanaan e-Invois secara khusus adalah penting dalam mengekang pengelakan cukai serta membendung ketirisan kewangan negara, manakala penyasaran semula subsidi terus dilaksanakan demi memastikan pengurusan perbelanjaan awam berada pada tahap optimum. Pembaharuan fiskal yang sedang dilaksanakan secara berterusan telah meletakkan negara pada landasan yang tepat dalam merapatkan jurang defisit fiskal, yakni daripada 5.6% pada 2022 kepada 5% pada 2023, dan sasaran unjuran lebih baik kepada 4.3% pada 2024 dan 3.8% pada 2025. Kerajaan terus beriltizam untuk mengekalkan momentum ini demi memastikan kemajuan yang berterusan ke arah konsolidasi fiskal.

Teras utama pengislahan fiskal negara adalah melalui penggubalan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2024. Perundangan bersejarah ini mendukung prinsip MADANI, yakni ketelusan, akauntabiliti dan tata kelola yang baik, sekali gus menjadi asas kepada usaha pembaharuan fiskal yang menyeluruh. Kesungguhan merencana pengukuhan tata kelola turut dizahirkan menerusi penerbitan penyata prabelanjawan serta laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun. Di samping itu, Kerajaan terus giat membangunkan kapasiti yang diperlukan untuk menerbitkan penyata perbelanjaan cukai serta penyata risiko fiskal dalam waktu terdekat mencerminkan keazaman Kerajaan untuk memperhebat ketelusan fiskal. Dalam hal ini, usaha tersebut bukan sahaja mengembalikan keyakinan rakyat dan pelabur, malah melonjakkan Malaysia ke persada antarabangsa, seterusnya mengukuhkan kedudukan negara sebagai sebuah kuasa ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Dalam kita melakar masa hadapan, Belanjawan 2025 bukanlah semata-mata untuk menoktahkan Rancangan Malaysia Kedua Belas. Ia juga akan menjadi landasan untuk terus memacu era baharu pertumbuhan dan inovasi bagi Rancangan Malaysia Ketiga Belas. Kerajaan juga bertekad untuk merangka pembangunan ekonomi negara yang lebih kukuh dan inklusif bagi menterjemahkan aspirasi setiap rakyat Malaysia, di samping melindungi kesejahteraan rakyat serta meningkatkan kemakmuran negara. Bagi mencapai wawasan ini, kita harus mengadaptasi pendekatan terangkum yang melibatkan seluruh negara, menggembelng sokongan pelbagai lapisan rakyat dan masyarakat dalam misi mencapai pembangunan negara yang berimpak besar serta kemajuan ekonomi yang transformatif.


Marilah bersama-sama kita menggembelng kekuatan, memperteguh iltizam, dan melangkah maju ke hadapan. Zahirkan komitmen yang tidak berbelah bahagi, sehati sejiwa, agar wawasan ini menjadi suatu realiti, sekali gus memacu Malaysia menjadi kuasa ekonomi terulung di Asia seperti hasrat di bawah kerangka Ekonomi MADANI.



ANWAR IBRAHIM
18 Oktober 2024


BELANJAWAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2025

DARI MANA DATANGNYA



KE MANA DIBELANJAKAN

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN



¹ Terdiri daripada hasil dan pinjaman

² Tidak termasuk simpanan luar jangka

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST

LUAS KAWASAN (kilometer persegi) AREA (square kilometres)						
Malaysia	Semenanjung Malaysia Peninsular Malaysia		Sarawak	Sabah	Wilayah Persekutuan ¹ Federal Territories ¹	
330,241	131,786		124,450	73,621	384	
			2023	2024 ⁶		2025 ⁷
PENDUDUK ² (juta) POPULATION ² (million)			33.4	34.1		34.3
PENGELUARAN DALAM NEGERI DOMESTIC PRODUCTION			RM juta RM million	% perubahan change	RM juta RM million	% perubahan change
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga malar 2015) Gross Domestic Product (constant 2015 prices)			1,567,974	3.6	1,645,080	4.8 – 5.3
Pertanian Agriculture			100,812	0.7	102,780	2.0
Perlombongan dan pengkuarian Mining and quarrying			97,513	0.5	99,706	2.2
Pembuatan Manufacturing			366,694	0.7	381,881	4.1
Pembinaan Construction			56,659	6.1	64,672	14.1
Perkhidmatan Services			927,904	5.1	976,966	5.3
Duti import Import duties			18,392	9.6	19,076	3.7
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga semasa) Gross Domestic Product (current prices)			1,822,904	1.6	1,946,636	6.7 – 7.2
Perbelanjaan penggunaan akhir: Awam Final consumption expenditure : Public			217,824	4.8	228,671	5.0
Swasta Private			1,102,511	6.7	1,184,843	7.5
Pembentukan modal tetap kasar: Awam ³ Gross fixed capital formation : Public ³			80,022	10.5	89,256	11.5
Swasta Private			270,711	6.5	306,267	13.1
Perubahan inventori dan barangan berharga Changes in inventories and valuables			58,878	–	42,864	–
Eksport barangan dan perkhidmatan Exports of goods and services			1,250,183	-9.3	1,383,792	10.7
Import barangan dan perkhidmatan Imports of goods and services			1,157,224	-7.4	1,289,057	11.4
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN NEGARA NATIONAL INCOME AND EXPENDITURE						
Pendapatan Negara Kasar (harga malar 2015) Gross National Income (constant 2015 prices)			1,543,076	4.0	1,622,546	5.2
Pendapatan Negara Kasar (harga semasa) Gross National Income (current prices)			1,769,983	1.9	1,897,886	7.2
Tabungan Negara Kasar (harga semasa) Gross National Savings (current prices)			437,814	-8.9	481,766	10.0
Pendapatan Per Kapita (harga semasa, RM) Per Capita Income (current prices, RM)			52,991	-0.2	55,724	5.2

MALAYSIA: PERANGKAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)
MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST (cont'd)

	2023		2024 ⁸		2025 ⁹	
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN FEDERAL GOVERNMENT FINANCE	RM juta RM million	% perubahan change	RM juta RM million	% perubahan change	RM juta RM million	% perubahan change
Hasil <i>Revenue</i>	314,959	7.0	322,050	2.3	339,706	5.5
Perbelanjaan mengurus <i>Operating expenditure</i>	311,267	6.3	321,500	3.3	335,000	4.2
Baki semasa <i>Current balance</i>	3,692		550		4,706	
Perbelanjaan pembangunan (bersih) <i>Development expenditure (net)</i>	95,084	35.5	84,846	-10.8	84,679	-0.2
Baki keseluruhan Overall balance	-91,392		-84,296		-79,973	
% KDNK <i>% GDP</i>	-5.0		-4.3		-3.8	
Pinjaman dalam negeri (bersih) <i>Domestic borrowings (net)</i>	92,806		84,980		-	
Pinjaman luar pesisir (bersih) <i>Offshore borrowings (net)</i>	-248		-300		-	
Perubahan aset ⁴ <i>Change in assets⁴</i>	-1,166		-384		-	
		% KDNK GDP		% KDNK GDP		
Hutang Kerajaan Persekutuan⁵ Federal Government Debt⁵	1,172,509	64.3	1,227,488	63.1	-	-
Hutang dalam negeri Domestic debt	1,142,658	62.7	1,198,158	61.6	-	-
Bil Perbendaharaan <i>Treasury Bills</i>	20,000	1.1	20,500	1.1	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia <i>Malaysian Government Investment Issues</i>	527,300	28.9	564,300	29.0	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia <i>Malaysian Government Securities</i>	589,858	32.4	613,358	31.5	-	-
Sukuk Perumahan Kerajaan <i>Government Housing Sukuk</i>	5,500	0.3	-	-	-	-
Pinjaman luar pesisir Offshore borrowings	29,851	1.6	29,330	1.5	-	-
Pinjaman pasaran <i>Market loans</i>	26,224	1.4	26,157	1.3	-	-
Pinjaman projek <i>Project loans</i>	3,627	0.2	3,173	0.2	-	-

¹ Termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, Putrajaya

² Anggaran penduduk semasa berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

³ Termasuk pelaburan oleh syarikat awam

⁴ (+) menunjukkan penggunaan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

⁵ Pada 2024, data adalah sehingga akhir Jun 2024

⁶ Anggaran

⁷ Unjuran

⁸ Anggaran disemak

⁹ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2025

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

¹ Includes the Federal Territories of Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya

² Current Population Estimates based on the 2020 Population and Housing Census of Malaysia

³ Includes investment of public corporations

⁴ (+) indicates drawdown of assets; (-) indicates accumulation of assets

⁵ For 2024, data is as at end-June 2024

⁶ Estimate

⁷ Forecast

⁸ Revised estimate

⁹ Budget estimate excluding Budget 2025 measures

Note: Total may not add up due to rounding

KANDUNGAN

	Muka Surat
PRAKATA	iii
BELANJAWAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2025	v
MALAYSIA: PERANGKAAN PENTING DAN UNJURAN	vii
AKRONIM DAN SINGKATAN	xi
SEKSYEN 1 PERSPEKTIF KESELURUHAN DASAR FISKAL	
Perspektif Keseluruhan	3
Mengimbangi Keperluan Pembangunan Negara dengan Kemampanan Fiskal	4
Rencana - Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] - Meningkatkan Tadbir Urus dan Disiplin Fiskal dalam Jangka Masa Sederhana	5
Kedudukan Fiskal 2024	11
Tinjauan 2025	12
Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2025-2027	13
Kesimpulan	13
Rencana - Memperkasakan Pembaharuan Tata Kelola Sektor Awam	14
SEKSYEN 2 HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN	
Perspektif Keseluruhan	27
Hasil 2024	27
Rencana - Perspektif Keseluruhan: Pendekatan Malaysia dalam Melaksanakan Cukai Minimum Global	29
Tinjauan 2025	35
Kesimpulan	36
SEKSYEN 3 PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
Perspektif Keseluruhan	41
Perbelanjaan 2024	41
Tinjauan 2025	45
Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan	48
Kesimpulan	48
Rencana - Langkah Pengimbangan: Dasar Subsidi Bersasar untuk Melindungi Kesejahteraan Rakyat yang Memerlukan dan Memastikan Kemampanan Fiskal	49
SEKSYEN 4 PENGURUSAN HUTANG	
Perspektif Keseluruhan	67
Pembiayaan	68
Hutang Kerajaan Persekutuan	70
Hutang Luar Malaysia	73
Hutang Sektor Awam	74
Tinjauan 2025	75
Kesimpulan	75
SEKSYEN 5 RISIKO FISKAL DAN LIABILITI	
Perspektif Keseluruhan	81
Pendedahan Hutang dan Liabiliti	81
Jaminan Kewangan	81
Rencana - Mengurus Risiko: Memperkukuh Tadbir Urus Jaminan Kerajaan	84
Komitmen Jaminan	91
Liabiliti Lain	91
Mitigasi Risiko ke atas Pendedahan Liabiliti	92
Kesimpulan	93
SEKSYEN 6 SEKTOR AWAM DISATUKAN	
Sektor Awam Disatukan	97
Kerajaan Am	98
Kerajaan Negeri	99
Syarikat Awam Bukan Kewangan	100
Kesimpulan	101

JADUAL

Jadual 1.1.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan	11
Jadual 1.2.	Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF)	13
Jadual 2.1.	Hasil Kerajaan Persekutuan	28
Jadual 3.1.	Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Komponen	42
Jadual 3.2.	Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor	44
Jadual 4.1.	Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	68
Jadual 4.2.	Perundangan Hutang	70
Jadual 4.3.	Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Instrumen	71
Jadual 4.4.	Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang	72
Jadual 4.5.	Hutang Luar	73
Jadual 4.6.	Hutang Sektor Awam	74
Jadual 5.1.	Pendedahan Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan	81
Jadual 5.2.	Jaminan Kewangan	82
Jadual 5.3.	Penerima Utama Jaminan di bawah Akta 96	83
Jadual 5.4.	Komitmen Jaminan	91
Jadual 6.1.	Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan	97
Jadual 6.2.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Am Disatukan	98
Jadual 6.3.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan	99
Jadual 6.4.	Kedudukan Kewangan Syarikat Awam Bukan Kewangan Disatukan	100

RAJAH

Rajah 1.1.	Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan	23
Rajah 1.2.	Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Baki Semasa Kerajaan Persekutuan	23
Rajah 1.3.	Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan	23
Rajah 2.1.	Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum	37
Rajah 2.2.	Hasil sebagai Peratusan daripada KDNK	37
Rajah 3.1.	Jumlah Perbelanjaan mengikut Sektor	64
Rajah 3.2.	Jumlah Perbelanjaan mengikut Kementerian dan Agensi	64
Rajah 3.3.	Perbelanjaan Mengurus mengikut Sektor	64
Rajah 3.4.	Perbelanjaan Mengurus mengikut Komponen	64
Rajah 3.5.	Perbelanjaan Pembangunan mengikut Sektor	64
Rajah 3.6.	Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan mengikut Penghutang	64
Rajah 4.1.	Terbitan mengikut Tempoh Matang	76
Rajah 4.2.	Nisbah BTC Terbitan MGS dan MGII	76
Rajah 4.3.	Keluk Kadar Hasil Penanda Aras MGS	76
Rajah 4.4.	Kadar Hasil Indikatif MGS	76
Rajah 4.5.	Komposisi Hutang Kerajaan Persekutuan	76
Rajah 4.6.	Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang	77
Rajah 4.7.	Pemegangan Hutang dalam Denominasi Ringgit oleh Bukan Pemastautin	77
Rajah 4.8.	Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Baki Tempoh Matang	77
Rajah 4.9.	Bayaran Khidmat Hutang	77
Rajah 4.10.	Profil Kematangan Hutang	77
Rajah 5.1.	Jaminan Kerajaan Terkumpul	94
Rajah 5.2.	Profil Kematangan Jaminan Kerajaan	94
Rajah 5.3.	Jaminan Kerajaan Mengikut Segmen	94
Rajah 5.4.	Obligasi PPP Terkumpul Mengikut Sektor	94
Rajah 6.1.	Aset dan Liabiliti Syarikat Awam Bukan Kewangan	100

STATISTIK KEWANGAN AWAM

211

MEMORANDUM PERBENDAHARAAN MENGENAI ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2025

231

AKRONIM DAN SINGKATAN

BAP	Bantuan Awal Persekolahan	ICPT	Pelepasan Kos Tidak Berimbang
BEPS	Penghakisan Asas Cukai dan Pemindahan Keuntungan	ICT	teknologi maklumat dan komunikasi
BMT	Bantuan Monsun Timur	IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
BNM	Bank Negara Malaysia	IPG	Insentif Pengeluaran Getah
bps	mata asas	IPSAS	Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa
BTC	bidaan kepada terbitan	JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
CITA	cukai pendapatan syarikat	JRFL	Jawatankuasa Risiko Fiskal, Hutang dan Liabiliti
CKHT	cukai keuntungan harta tanah	JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
COSS	Skim Penstabilan Minyak Masak	JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
COVID-19	Penyakit Koronavirus 2019	JS-SEZ	Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura
CPS	sektor awam disatukan	kg	kilogram
DE	perbelanjaan pembangunan	kWj	kilowatt jam
DSC	bayaran khidmat hutang	KDNK	keluaran dalam negeri kasar
ECRL	Laluan Rel Pantai Timur	KKM	Kementerian Kesihatan
FDI	pelaburan langsung asing	KPDN	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Fed	Rizab Persekutuan AS	KPM	Kementerian Pendidikan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	KWAP	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
FFR	Federal Funds Rate	KWC-19	Kumpulan Wang COVID-19
GEAR-uP	Program Pengaktifan dan Reformasi Badan Berkaitan Kerajaan	KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
GFSM	Government Finance Statistics Manual	LAN	Rangkaian Kawasan Setempat
GLIC	Syarikat pelaburan berkaitan kerajaan	LRT3	Transit Aliran Ringan 3
GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan	MAA	Persatuan Automatif Malaysia
GMT	cukai minimum global	MARA	Majlis Amanah Rakyat
GTFS	Skim Pembiayaan Teknologi Hijau	MGII	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia
HGHV	Pertumbuhan Tinggi dan Nilai Tinggi		

AKRONIM DAN SINGKATAN

MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia	PPP	Kerjasama Awam Swasta
MINDEF	Kementerian Pertahanan	PPR	Projek Perumahan Rakyat
MITB	Bil Perbendaharaan Islam Malaysia	RMR	Rumah Mesra Rakyat
MNEs	Perusahaan multinasional	RTS	Rapid Transit System
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia	RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas
MRT	Transit Aliran Massa	RMT	Rancangan Makanan Tambahan
MTB	Bil Perbendaharaan Malaysia	S&P	S&P Global Ratings
MTFF	Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana	SABK	syarikat awam bukan kewangan
MTRS	Strategi Hasil Jangka Sederhana	SARA	Sumbangan Asas Rahmah
NETR	Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional	SJKP	Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad
NIMP 2030	Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030	SJPP	Syarikat Jaminan Pinjaman Perniagaan Berhad
OE	perbelanjaan mengurus	SKDS	Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi
OPR	Kadar Dasar Semalaman	SOE	entiti milik kerajaan
PADU	Pangkalan Data Utama	SPAN	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
PBLT	PBLT Sdn. Bhd.	SPK	Sukuk Perumahan Kerajaan
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad	SSPA	Sistem Saraan Perkhidmatan Awam
PFI	inisiatif pembiayaan swasta	SST	Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan
PIKAS 2030	Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030	STR	Sumbangan Tunai Rahmah
PITA	cukai pendapatan petroleum	TIMSS	Trends in International Mathematics and Science Study
PISA	Programme for International Student Assessment	UJSB	Urusharta Jamaah Sdn. Bhd
PLUS	Lebuhraya Utara Selatan	UNCTAD	United Nations Conference on Trade and Development
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara	USD	dolar AS
PMKS	perusahaan mikro, kecil dan sederhana		
PPAM	Perumahan Penjawat Awam Malaysia		

SEKSYEN 1

Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

3 PERSPEKTIF KESELURUHAN

4 MENGIMBANGI KEPERLUAN PEMBANGUNAN NEGARA DENGAN KEMAMPUAN FISKAL

Rencana - Akta Kewangan Awam dan
Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] –
Meningkatkan Tadbir Urus dan Disiplin Fiskal
dalam Jangka Masa Sederhana

11 KEDUDUKAN FISKAL 2024

12 TINJAUAN 2025

13 RANGKA KERJA FISKAL JANGKA SEDERHANA (MTFF) 2025 – 2027

13 KESIMPULAN

Rencana - Memperkasakan Pembaharuan Tata
Kelola Sektor Awam

SEKSYEN 1

Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

Perspektif Keseluruhan

Ekonomi global dijangka stabil setelah semua negara mengharungi cabaran ekonomi yang kompleks pascapandemik dengan pertumbuhan dipacu sektor perkhidmatan dan eksport yang lebih tinggi. Sementara itu, tekanan inflasi dan potensi risiko kenaikan kadar faedah yang berpanjangan telah mereda seterusnya meningkatkan prospek pertumbuhan. Walau bagaimanapun, konflik geopolitik yang semakin meruncing, penyisihan perdagangan yang berterusan dan pertambahan hutang negara menyebabkan risiko kepada pertumbuhan ekonomi. Keadaan tersebut mengukuhkan peranan dasar fiskal dalam mengimbangi antara keperluan perbelanjaan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi dalam meneruskan konsolidasi hutang. Oleh itu, pengurusan fiskal yang berhemat penting bagi memastikan kemampunan fiskal ke arah mencapai agenda pembangunan.

Ekonomi Malaysia dijangka kekal kukuh pada 2024 didorong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan serta pemulihan aktiviti perdagangan dalam sektor pembuatan dan sektor pembinaan meskipun berhadapan ketidaktentuan global. Dalam hal ini, kerangka Ekonomi MADANI memberikan kejelasan dalam merangka trajektori pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pelaksanaan kerangka ini berpotensi dalam melonjakkan ekonomi dan meningkatkan status sosioekonomi rakyat dalam dekad akan datang. Kerangka ini merupakan asas dan panduan dasar kepada dokumen strategik utama iaitu Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Kebangsaan (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh

Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas. Selain itu, Kerajaan telah melancarkan Program Pengaktifan dan Reformasi Badan Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) dan Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030 (PIKAS 2030) untuk memacu pelaburan domestik serta menambah baik pengurusan projek dan tadbir urus seterusnya menyumbang kepada objektif pembangunan negara.

Berlatarkan keadaan tersebut, Kerajaan berupaya melaksanakan langkah pembaharuan fiskal bagi membina semula penampan fiskal di samping memperkukuh inisiatif pembangunan negara. Pembaharuan struktur fiskal yang proaktif penting dalam meningkatkan keupayaan untuk mengekang dan mengurangkan sebarang risiko serta ketidaktentuan. Penggubalan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] merupakan inisiatif penanda aras yang menggambarkan iltizam Kerajaan dalam memupuk tata kelola yang baik, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam menguruskan kewangan awam.

Pada tahun ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk mengukuhkan kapasiti penjana hasil serta mengawal peningkatan perbelanjaan. Langkah peningkatan hasil yang telah dilaksanakan termasuk semakan semula kadar cukai perkhidmatan, pengenalan e-Invois dan pindaan undang-undang sedia ada untuk melaksanakan Cukai Minimum Global yang akan berkuat kuasa pada 2025. Bagi aspek pembaharuan perbelanjaan, Kerajaan telah mula beralih daripada subsidi pukal kepada mekanisme yang lebih bersasar terutamanya melibatkan rasionalisasi subsidi

elektrik dan subsidi diesel bersasar. Penjimatan daripada usaha ini disalurkan semula kepada rakyat melalui penambahbaikan program bantuan tunai, biasiswa pendidikan dan Bantuan Awal Persekolahan. Usaha tersebut menandakan komitmen berterusan Kerajaan untuk mengekalkan trajektori konsolidasi fiskal bagi membina semula ruang fiskal dan meningkatkan kemampuan.

Mengimbangi Keperluan Pembangunan Negara dengan Kemampuan Fiskal

Kerajaan menekankan keperluan untuk mengurangkan sokongan fiskal yang besar semasa pandemik secara beransur-ansur di samping memastikan sumber yang mencukupi dapat dimanfaatkan bagi mengekalkan trajektori pertumbuhan. Lantaran itu, dalam merangka strategi jangka masa sederhana dan panjang, Kerajaan perlu mengambil kira cabaran utama termasuk ketidaksamaan pendapatan, populasi menua, perubahan iklim dan daya saing perniagaan. Tambahan pula, kebergantungan berterusan kepada kutipan cukai pendapatan serta item perbelanjaan *locked-in* yang tinggi telah menjejaskan fleksibiliti fiskal. Justeru, membina semula penampakan fiskal penting dalam mengukuhkan daya tahan ekonomi dan membolehkan Kerajaan melaksanakan langkah kitaran balas. Penggubalan dasar fiskal akan berpandukan prinsip kebertanggungjawaban, tanggungjawab, ketelusan dan kesaksamaan antara generasi seperti yang ditekankan dalam Akta 850. Dua sasaran jangka masa sederhana telah ditetapkan di bawah Akta 850 iaitu mengurangkan defisit fiskal kepada 3% daripada KDNK dan memastikan nisbah hutang tidak melebihi 60% daripada KDNK.

Antara langkah utama untuk mencapai sasaran tersebut adalah memastikan penjanaan hasil yang mampan dengan tumpuan kepada mempelbagaikan sumber hasil melalui peluasan asas cukai. Penggubalan Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) menggariskan fasa pelaksanaan langkah hasil, kajian semula perundangan percukaian dan pemodenan pentadbiran hasil. Selain itu, kajian semula sistem percukaian sedia ada dilaksanakan secara berterusan bagi mewujudkan sistem yang lebih saksama, cekap dan kondusif ke arah pertumbuhan ekonomi.

Kerajaan menilai impak dasar perbelanjaan awam secara konsisten untuk memastikan kecekapan perbelanjaan dan mengoptimumkan sumber kepada bidang berimpak tinggi. Antara langkah perbelanjaan utama termasuk pelaksanaan subsidi bersasar yang penting bagi mengurangkan ketirisan dan pembaziran di samping melindungi kesejahteraan golongan rentan. Sementara itu, Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang baru diperkenalkan bertujuan meningkatkan produktiviti dan menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Kerajaan juga telah menubuhkan jawatankuasa khas untuk merasionalisasikan peranan dan fungsi badan berkanun bagi mengurangkan duplikasi dan pertindihan. Justeru, keseimbangan antara kecekapan perbelanjaan dengan peningkatan janaan hasil perlu dikekalkan bagi mencapai kemampuan fiskal jangka masa panjang.

Inisiatif tersebut bertujuan untuk mewujudkan ruang fiskal yang mencukupi bagi membolehkan Kerajaan membiayai projek pembangunan tanpa pinjaman berlebihan bagi mencapai tahap hutang yang berhemat selaras dengan sasaran jangka masa sederhana seperti yang ditetapkan di bawah Akta 850. Tambahan pula, penambahbaikan kepada kerjasama awam-swasta (PPP) seperti yang digariskan di bawah PIKAS 2030 menekankan mekanisme pembayaran oleh pengguna

dan kaedah pembiayaan alternatif tanpa pergantungan signifikan kepada pembiayaan Kerajaan seterusnya menangani cabaran fiskal. Sementara itu, penilaian risiko akan ditambah baik dengan mengurangkan pendedahan risiko berkaitan hutang dan liabiliti melalui inisiatif pengurusan risiko fiskal yang komprehensif. Oleh itu, pelaksanaan projek dan program infrastruktur strategik yang dijangka memberikan pulangan ekonomi jangka masa panjang seperti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Lebuhraya Pan Borneo dan Rapid Transit System Link (RTS) akan mengambil kira impak ke atas kemampunan dan kemampuan fiskal. Justeru, rangka kerja risiko fiskal akan menjadi pelengkap kepada instrumen fiskal sedia ada seperti rangka kerja fiskal jangka masa sederhana dan analisis kemampunan hutang bagi mengukuhkan pengurusan kewangan awam.

Dari segi penilaian penarafan kredit berdaulat, Malaysia telah diberikan penarafan kredit dengan prospek 'Stabil' pada A3 oleh Moody's Investors Service, A- oleh S&P Global Ratings dan BBB+ oleh Fitch Ratings. Kekuatan utama Malaysia dalam penilaian penarafan tersebut termasuk ekonomi yang pelbagai, pertumbuhan yang berdaya tahan, institusi yang stabil, sistem perbankan yang teguh serta pendedahan risiko yang rendah berkaitan hutang Kerajaan dalam denominasi mata wang asing. Tambahan pula, kestabilan politik telah membolehkan pembaharuan fiskal dilaksanakan seterusnya menyumbang kepada kestabilan jangka masa sederhana dan panjang serta meningkatkan kedudukan penarafan kredit Malaysia sekali gus menambah keyakinan pelabur.

RENCANA


Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] – Meningkatkan Tadbir Urus dan Disiplin Fiskal dalam Jangka Masa Sederhana

Pengenalan

Penggubalan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] menandakan langkah penting dalam usaha Malaysia ke arah meningkatkan disiplin fiskal dan memastikan kestabilan makroekonomi. Akta 850 menyediakan panduan dan penerangan yang jelas dalam penggubalan dasar fiskal bertujuan mengukuhkan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana dan panjang serta memastikan pendekatan pengurusan kewangan awam menyeluruh. Akta ini yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2024¹ adalah selari dan berkesinambungan dengan rangka kerja perundangan sedia ada bagi meningkatkan tadbir urus, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pengurusan fiskal. Di bawah Akta 850, Kerajaan perlu memperluas asas hasil, mengoptimumkan perbelanjaan awam, menguruskan paras hutang dan pada masa yang sama menekankan kepentingan pengurusan risiko fiskal. Sehubungan itu, inisiatif pembaharuan fiskal penting bagi memastikan kemampunan fiskal, membina semula ruang fiskal dan menggalakkan pertumbuhan mampan selaras dengan aspirasi kerangka Ekonomi MADANI.

¹ Tarikh perundangan yang diwartakan mengikut P.U.(B) 584/2023 dengan pengecualian pada Seksyen 37 dan 38 melibatkan penerbitan laporan fiskal baharu iaitu penyata risiko fiskal dan penyata perbelanjaan cukai yang dijangka diterbitkan pada masa hadapan.

RAJAH 1. Ciri Akta Kewangan dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850]



Ciri Utama Akta

Inisiatif Akta 850 merupakan satu daripada pembaharuan bagi mengukuhkan kewangan awam melalui peningkatan disiplin fiskal, keberkesanan perbelanjaan dan ketelusan. Aspek pembaharuan ini adalah langkah penting ke arah meningkatkan tadbir urus fiskal dan mengukuhkan pengurusan kewangan awam. Antara ciri utama Akta ini adalah seperti berikut:

a) Akauntabiliti Menteri Kewangan

Menteri Kewangan (Menteri) bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan dasar fiskal yang kukuh bagi menggalakkan kestabilan dan pertumbuhan ekonomi, mengekalkan disiplin fiskal dengan mematuhi had belanjawan serta memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam operasi fiskal Kerajaan. Di samping itu, Menteri perlu menyediakan laporan berkala mengenai prestasi kewangan awam, mencadangkan langkah bagi menangani ketidakseimbangan fiskal, menyelia pengurusan hutang awam yang berhemat dan menilai pendedahan risiko fiskal.

b) Sasaran Fiskal yang Jelas

Akta ini menetapkan sasaran nilai fiskal yang jelas dalam memastikan akauntabiliti dan disiplin pengurusan kewangan awam. Sasaran tersebut dijangka mengukuhkan keyakinan pelabur, memupuk keyakinan awam dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi mampan. Rajah 2 memaparkan objektif fiskal dan nilai kuantiti yang ingin dicapai oleh Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta.

RAJAH 2. *Objektif Fiskal dan Nilai Kuantiti*



c) Kesaksamaan antara Generasi

Akta ini melindungi kesejahteraan generasi kini dan akan datang. Dalam hal ini, Kerajaan perlu mengurangkan defisit belanjawan secara strategik dan menstabilkan paras hutang awam melalui pengurusan hasil, perbelanjaan, hutang dan risiko fiskal. Justeru, keputusan dasar perlu mengambil kira kesan ke atas kewangan awam bagi melindungi kesaksamaan antara generasi.

d) Pelaporan Komprehensif

Bagi mempertingkatkan ketelusan dan akauntabiliti, Akta 850 menetapkan supaya dokumen belanjawan tahunan dan laporan lain perlu diterbitkan. Kementerian Kewangan (MoF) telah menerbitkan Tinjauan Ekonomi; Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan; Anggaran Perbelanjaan Persekutuan; dan Laporan Prestasi Perbelanjaan Pertengahan Tahun yang boleh diakses melalui laman sesawang rasmi MoF (<https://www.mof.gov.my>).

Berdasarkan peruntukan di bawah Akta ini, dua laporan baharu iaitu penyata risiko fiskal (FRS) dan penyata perbelanjaan cukai (TES) juga perlu diterbitkan. Laporan FRS merangkumi analisis komprehensif mengenai potensi risiko fiskal dan pelan mitigasi bagi memastikan pengurusan risiko yang berkesan. Sementara itu, TES menilai kehilangan hasil akibat perubahan dasar termasuk pelepasan dan pengecualian cukai. Usaha sedang dilaksanakan dalam membangunkan kapasiti bagi menerbitkan dokumen tersebut.

Selain itu, MoF turut menerbitkan Penyata Pra-Belanjawan yang tidak termaktub dalam keperluan Akta ini. Dokumen ini menjelaskan hala tuju dan fokus belanjawan tahunan sebagai sebahagian daripada usaha untuk menambah baik proses penyediaan belanjawan. Usaha ini seiring dengan amalan terbaik antarabangsa bagi meningkatkan ketelusan dalam merangka belanjawan tahunan.

e) Pengurusan Risiko Fiskal

Pengurusan risiko fiskal yang komprehensif diperkenalkan buat pertama kali di bawah Akta ini yang merangkumi penyeragaman tafsiran jaminan kewangan serta penetapan had statutori. Kini, Kerajaan perlu merangka dasar pengurusan risiko fiskal untuk meminimumkan dan mengurangkan pendedahan risiko. Peruntukan risiko fiskal di bawah Akta ini melengkapi perundangan fiskal sedia ada bagi mengukuhkan pengurusan kewangan awam. Pengenalpastian risiko fiskal membolehkan Kerajaan mengurangkan tekanan fiskal tidak dijangka dengan lebih berkesan berikutan keadaan luar jangka atau krisis.

f) Jawatankuasa Dasar Fiskal

Langkah menginstitusikan Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC) di bawah Akta 850 bertujuan untuk menyelia hal ehwal fiskal dan mengemukakan cadangan dasar kepada Kerajaan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan terdiri daripada Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kabinet terpilih, Ketua Setiausaha Negara dan ketua agensi pusat utama. Akta ini juga membenarkan pelantikan dua ahli berwibawa yang mempunyai kepakaran dalam fiskal atau kewangan awam. Di samping itu, FPC boleh menubuhkan jawatankuasa kecil untuk menilai keberhutangan Kerajaan serta pendedahan kepada risiko fiskal dan liabiliti lain. Penubuhan jawatankuasa ini yang dikenali sebagai Jawatankuasa Risiko Fiskal, Hutang dan Liabiliti telah diperakukan oleh FPC pada Mac 2024 bagi memenuhi keperluan di bawah Akta ini.

g) Penyimpangan Sementara daripada Objektif Fiskal

Akta ini juga merangkumi fleksibiliti yang membenarkan penyimpangan sementara daripada sasaran fiskal dalam keadaan mengejut dan tidak dapat diramalkan melalui pelan pelarasan fiskal terperinci yang akan dibentangkan di Parlimen. Pelan ini menggariskan punca penyimpangan, langkah untuk kembali kepada objektif asal, tempoh masa yang diperlukan dan maklumat lain yang berkaitan bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti. Kerajaan boleh melaksanakan tindakan yang perlu dan segera sekiranya berlaku krisis ekonomi, pandemik atau sebarang keadaan luar jangka yang akan menjejaskan kestabilan makroekonomi, kelangsungan perniagaan dan kesejahteraan rakyat.

Objektif Fiskal dan Nilai Kuantiti

Akta 850 menetapkan objektif fiskal dan nilai kuantiti yang terdiri daripada sasaran tahunan dan jangka masa sederhana bagi memenuhi keperluan yang digariskan dalam Akta ini. Sasaran ini merupakan pendekatan berstruktur dalam pengurusan fiskal dengan memastikan sasaran jangka masa pendek selari dengan objektif jangka masa panjang.

a) Perbelanjaan Pembangunan Tahunan

Kerajaan secara konsisten memastikan perbelanjaan pembangunan (DE) disalurkan kepada program dan projek yang memberi impak pengganda tinggi kepada ekonomi ke arah memastikan kestabilan makroekonomi, menggalakkan pembangunan negara dan melindungi kesejahteraan rakyat. Oleh itu, sasaran DE tahunan ditetapkan sekurang-kurangnya 3% daripada KDNK. Sejak 1961, peratusan DE daripada KDNK sentiasa melebihi 3% dengan purata tahunan 3.9% bagi tempoh 10 tahun (2014 – 2023). Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 – 2025, purata tahunan DE dianggarkan sebanyak 4.4% daripada KDNK.

b) Baki Fiskal Jangka Sederhana

Sasaran baki fiskal bertujuan meningkatkan disiplin kewangan selaras dengan komitmen Kerajaan untuk mengurangkan defisit kepada 3% dalam jangka masa sederhana tanpa menjejaskan momentum pertumbuhan selari dengan kerangka Ekonomi MADANI. Pada 2019, defisit fiskal Kerajaan mencatat 3.4% daripada KDNK. Susulan pelaksanaan beberapa pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi semasa pandemik COVID-19, paras defisit telah melonjak kepada 6.4% pada 2021 iaitu tertinggi sejak 2009. Walau bagaimanapun, defisit fiskal bertambah baik dan mencatat 5.5% pada 2022 dan 5% pada 2023 apabila kesan pandemik semakin reda. Dalam jangka masa sederhana, inisiatif pembaharuan fiskal akan diteruskan bagi menyokong trajektori konsolidasi dan membina semula ruang fiskal di samping memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan merealisasikan agenda pembangunan.

c) Paras Hutang Jangka Masa Sederhana

Kerajaan telah menaikkan had statutori hutang daripada 55% kepada 65% berbanding KDNK semasa pandemik COVID-19. Walaupun peningkatan had statutori hutang menyediakan fleksibiliti fiskal bagi membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi, namun langkah ini telah menyebabkan bayaran khidmat hutang yang lebih tinggi. Keadaan ini memberi kesan kepada kemampuan dan kemampuan keberhutangan negara. Oleh itu, Kerajaan menetapkan sasaran mengurangkan nisbah hutang daripada KDNK kepada 60% dalam jangka masa sederhana melalui strategi pengurusan hutang yang berkesan di samping meneruskan pelaksanaan langkah pembaharuan hasil dan perbelanjaan.

d) Jaminan Kewangan

Kerajaan akan terus memantau dan melaporkan paras hutang dan pendedahan liabiliti bagi meningkatkan pemantauan dan ketelusan. Di samping itu, terdapat keperluan untuk menguruskan pendedahan risiko fiskal terutamanya risiko melibatkan jaminan kerajaan yang seterusnya berpotensi meningkatkan liabiliti Kerajaan Persekutuan. Justeru, buat kali pertama Kerajaan telah menetapkan nilai kuantiti bagi jaminan kewangan tidak melebihi 25% berbanding KDNK bagi mengawal pendedahan risiko dan menyokong usaha konsolidasi fiskal. Sehingga akhir Jun 2024, jaminan kewangan berada pada 20.9% daripada KDNK dan masih berada di bawah had nilai ambang berbanding 25.1% pada 2020.

Melangkah ke hadapan, penggubalan strategi hasil jangka sederhana, dasar perbelanjaan awam jangka sederhana dan rangka kerja risiko fiskal akan memastikan pelaksanaan Akta 850 yang berkesan seterusnya menggalakkan disiplin fiskal dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan awam. Inisiatif pembaharuan tersebut akan melengkapi instrumen fiskal sedia ada Kerajaan iaitu Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana dan Analisis Kemampuan Hutang bagi mewujudkan ruang fiskal mampan dan meningkatkan daya tahan kewangan awam. Status semasa dan hala tuju pelaporan dan instrumen fiskal dalam pengurusan kewangan awam Kerajaan Persekutuan seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.

RAJAH 3. Status Semasa dan Hala Tuju Pelaporan dan Instrumen Fiskal



Kesimpulan

Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] akan meningkatkan lagi tadbir urus, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam menguruskan kewangan awam. Akta ini menyediakan rangka kerja yang berdaya tahan dan koheren untuk pengurusan fiskal melalui penyelarasan antara peraturan fiskal baharu dengan sedia ada serta penetapan sasaran yang jelas dengan mekanisme yang fleksibel. Di samping itu, Akta ini menjadi pelengkap kepada agenda pembaharuan negara dan menyokong inisiatif di bawah kerangka Ekonomi MADANI dengan meningkatkan kejelasan dasar fiskal, menambah baik ruang fiskal, menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta mengukuhkan keyakinan pelabur.

Kedudukan Fiskal 2024

Prestasi ekonomi yang kukuh pada separuh pertama tahun ini dijangka berterusan pada separuh kedua 2024 disokong oleh penggunaan swasta yang mampan dan pemulihan perdagangan luar. Perbelanjaan fiskal diunjur lebih tinggi berikutan keperluan tambahan berkaitan subsidi RON95 serta pelaksanaan SSPA secara berperingkat. Walau bagaimanapun, peningkatan tersebut akan diimbangi oleh kutipan hasil yang menggalakkan terutamanya cukai tidak langsung yang lebih baik daripada jangkaan serta langkah kawalan perbelanjaan. Oleh itu, tiada keperluan pinjaman tambahan dijangka pada tahun ini berikutan defisit fiskal masih kekal dalam julat unjuran.

Kerajaan menganggarkan jumlah hasil meningkat sebanyak 4.7% kepada RM322.1 bilion atau 16.5% daripada KDNK berbanding unjuran awal sebanyak RM307.6 bilion. Beberapa langkah bagi meningkatkan hasil telah diumumkan dalam Belanjawan 2024 termasuk menaikkan kadar cukai

perkhidmatan daripada 6% kepada 8%, memperkenalkan cukai keuntungan modal ke atas keuntungan bersih daripada pelupusan saham tidak tersenarai syarikat tempatan serta mengukuhkan rangka kerja pentadbiran dan tadbir urus cukai. Selain itu, hasil bukan cukai diunjur meningkat dipacu oleh langkah hasil *one-off* termasuk terimaan daripada pelupusan tanah dan langkah tuntutan semula aset.

Jumlah perbelanjaan bagi 2024 yang kekal signifikan mencerminkan komitmen Kerajaan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan kebajikan sosial. Unjuran perbelanjaan Kerajaan telah disemak semula lebih tinggi 3.5% kepada RM407.5 bilion berbanding anggaran awal sebanyak RM393.8 bilion. Perbelanjaan mengurus (OE) diunjur meningkat 5.8% atau RM17.7 bilion disebabkan oleh emolumen, bayaran persaraan, bayaran khidmat hutang serta subsidi dan bantuan sosial yang lebih tinggi. Penjimatan daripada inisiatif pembaharuan subsidi terutamanya berkaitan ayam, elektrik dan diesel telah disalurkan semula kepada rakyat melalui program bantuan tunai yang ditambah baik termasuk BUDI MADANI. Di samping itu,

JADUAL 1.1. Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan, 2023 – 2025

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)		
	2023	2024 ²	2025 ³	2023	2024 ²	2025 ³	2023	2024 ²	2025 ³
Hasil	314,959	322,050	339,706	7.0	2.3	5.5	17.3	16.5	16.3
Perbelanjaan mengurus	311,267	321,500	335,000	6.3	3.3	4.2	17.1	16.5	16.1
Baki semasa	3,692	550	4,706				0.2	0.0	0.2
Perbelanjaan pembangunan kasar	96,091	86,000	86,000	34.3	-10.5	0.0	5.3	4.4	4.1
Tolak: Terimaan balik pinjaman	1,007	1,154	1,321	-28.4	14.6	14.5	0.1	0.1	0.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	95,084	84,846	84,679	35.5	-10.8	-0.2	5.2	4.3	4.0
Baki keseluruhan	-91,392	-84,296	-79,973				-5.0	-4.3	-3.8
Baki primer¹	-45,061	-33,496	-25,273				-2.5	-1.7	-1.2

¹ Tidak termasuk bayaran khidmat hutang

² Anggaran disemak

³ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

langkah seperti penetapan garis panduan dan pekeliling untuk kawalan perbelanjaan awam dan perolehan projek ICT telah dilaksanakan untuk mengawal peningkatan perbelanjaan bagi menambah baik perbelanjaan berhemat. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan (DE) dijangka berkurang kepada RM86 bilion atau 4.4% daripada KDNK setelah mengambil kira kemajuan pelaksanaan program dan projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025. Walau bagaimanapun, DE kekal melebihi had statutori 3% daripada KDNK seperti yang ditetapkan di bawah Akta 850.

Secara keseluruhan, peningkatan perbelanjaan akan ditampung oleh unjuran kutipan hasil yang lebih tinggi. Sehubungan itu, defisit fiskal dijangka kekal pada 4.3% daripada KDNK seperti sasaran Belanjawan 2024. Baki primer yang tidak termasuk bayaran khidmat hutang dijangka terus berkurang dengan mencatat defisit 1.7% daripada KDNK.

Tinjauan 2025

Malaysia yang merupakan negara perdagangan terbuka dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan pada 2025 seiring ekonomi global yang berdaya tahan. Kutipan hasil Kerajaan Persekutuan diunjur meningkat sebanyak 5.5% kepada RM339.7 bilion atau 16.3% daripada KDNK didorong oleh peningkatan kutipan cukai langsung sebanyak 6.6% atau RM188.8 bilion serta peningkatan cukai tidak langsung sebanyak 9.8% kepada RM70.2 bilion. Peningkatan ini disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang mampan dan pendapatan korporat yang lebih tinggi serta mengambil kira pelaksanaan berfasa e-Invois dan impak pelaksanaan penuh peningkatan kadar cukai perkhidmatan dan jangkaan perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi. Sementara itu, hasil bukan cukai diunjur berkurang kepada RM80.7 bilion disebabkan oleh pendapatan pelaburan yang

lebih rendah. Walau bagaimanapun, dividen daripada PETRONAS dijangka kekal pada RM32 bilion.

Jumlah perbelanjaan pada 2025 diunjur lebih tinggi kepada RM421 bilion atau 20.2% daripada KDNK terutamanya disebabkan oleh emolumen dan bayaran persaraan yang lebih tinggi ekoran pelaksanaan SSPA serta peningkatan bayaran khidmat hutang. Sebanyak RM335 bilion atau 16.1% daripada KDNK dianggarkan untuk OE manakala DE diunjur kekal pada RM86 bilion atau 4.1% daripada KDNK. Kerajaan akan meneruskan inisiatif rasionalisasi subsidi untuk menangani ketirisan dan pembaziran di samping meningkatkan program bantuan sosial. Selain itu, usaha mengoptimumkan perbelanjaan akan dipergiat termasuk inisiatif rasionalisasi badan berkanun yang bertujuan menangani pertindihan fungsi sekali gus memastikan perbelanjaan yang cekap dan memaksimumkan keberhasilan. Sementara itu, DE akan ditumpukan terutamanya kepada sektor ekonomi dengan sebahagian besar peruntukan bagi membiayai projek infrastruktur untuk menjana aktiviti ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup. Peruntukan ini termasuk projek tebatan banjir, pembekalan air dan pembinaan lebuh raya serta penambahbaikan kemudahan kesihatan dan institusi pendidikan.

Defisit fiskal disasarkan terus berkurang kepada 3.8% daripada KDNK pada 2025 menggambarkan komitmen berterusan Kerajaan terhadap konsolidasi fiskal. Pengurangan ini akan menyediakan ruang fiskal yang mencukupi bagi menangani kesan ketidaktentuan global dan mengurangkan beban hutang dalam jangka masa panjang. Sementara itu, baki primer diunjur mencatat defisit lebih rendah kepada 1.2% daripada KDNK. Pendekatan fiskal yang berhemat ini bertujuan untuk meningkatkan daya tahan ekonomi serta meneruskan pertumbuhan dan pembangunan yang mampan di samping membolehkan Kerajaan menguruskan pendedahan risiko dengan berkesan.

Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) 2025 – 2027

Kerajaan telah mengguna pakai Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) sebagai instrumen perancangan fiskal jangka masa sederhana. Rangka kerja ini menetapkan unjuran hasil dan perbelanjaan berdasarkan andaian makroekonomi terkini bagi tempoh 2025 – 2027. Asas andaian MTFF ini termasuk purata pertumbuhan KDNK benar sebanyak 4.9% dan purata harga minyak mentah sebanyak USD80 setong serta pengeluaran minyak mentah yang stabil sebanyak 500,000 tong sehari. Selain itu, rangka kerja ini telah

mengambil kira beberapa langkah dasar dan inisiatif pembaharuan termasuk peluasan asas cukai dan rasionalisasi perbelanjaan.

Jumlah hasil jangka masa sederhana diunjur pada RM1,055 bilion atau 15.7% daripada KDNK dengan hasil bukan petroleum dijangka kekal sebagai penyumbang utama sebanyak RM901.3 bilion atau 13.4% daripada KDNK. Selain itu, hasil berkaitan petroleum dijangka sebanyak RM153.7 bilion atau 2.3% daripada KDNK. Dari segi perbelanjaan, jumlah siling indikatif diunjur sebanyak RM1,289.3 bilion atau 19.2% daripada KDNK dengan RM1,043.3 bilion atau 15.6% daripada KDNK diperuntukkan untuk OE dan RM246 bilion atau 3.7% daripada KDNK untuk DE. Defisit fiskal diunjur pada purata 3.5% daripada KDNK dalam tempoh tiga tahun.

JADUAL 1.2. Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF), 2025 – 2027

	RM BILION	BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)
Hasil	1,055.0	15.7
Bukan petroleum	901.3	13.4
Berkaitan petroleum	153.7	2.3
Perbelanjaan mengurus	1,043.3	15.6
Baki semasa	11.7	0.1
Perbelanjaan pembangunan kasar	246.0	3.7
Tolak: terimaan balik pinjaman	3.7	0.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	242.3	3.6
Baki keseluruhan	-230.6	-3.5
Baki primer	-53.7	-0.8
Asas andaian:		
Purata pertumbuhan KDNK benar (%)	4.9	
Purata pertumbuhan KDNK nominal (%)	7.2	
Purata harga minyak mentah (USD setong)	80	
Purata pengeluaran minyak mentah (tong sehari)	500,000	

Nota: Anggaran MTFF tidak termasuk langkah Belanjawan 2025
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kesimpulan

Pada 2025, **hasil berkaitan petroleum** dijangka mencatat kutipan yang lebih rendah sebanyak RM62 bilion atau 18.3% daripada jumlah hasil iaitu 3% daripada KDNK dengan dividen PETRONAS merangkumi lebih separuh daripada jumlah keseluruhan. Sebaliknya, **hasil bukan petroleum** diunjur meningkat sebanyak 7.2% kepada RM277.7 bilion mencerminkan kepelbagaian hasil yang lebih baik berikutan prospek ekonomi yang menggalakkan. Kerajaan akan terus memastikan penjanaan hasil bukan petroleum yang mampan bagi membiayai komitmen perbelanjaan terutamanya untuk memenuhi keperluan rakyat.

Kesimpulan

Kerajaan akan terus memperkuat pengurusan hasil di samping meningkatkan kecekapan melalui penggunaan kemajuan teknologi dan pendekatan inovatif. Inisiatif tersebut bertujuan untuk menyelaraskan pentadbiran cukai dengan menambah baik penyampaian perkhidmatan dan memudahkan proses sekali gus meningkatkan pematuhan cukai. Inisiatif pembaharuan utama khususnya pelaksanaan MTRS akan mengambil

pendekatan komprehensif untuk menilai ekosistem hasil, membangunkan dasar hasil yang berkesan dan mengukuhkan rangka kerja perundangan supaya sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa. Penggubalan dasar hasil akan berlandaskan kecekapan, keadilan dan kesaksamaan demi mendukung prinsip akauntabiliti. Justeru, inisiatif tersebut penting untuk menjana hasil yang mampan, mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan berdaya saing, menggalakkan pelaburan baharu serta menyokong pertumbuhan jangka masa panjang.

RAJAH 2.1. Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum (% daripada jumlah hasil)**RAJAH 2.2.** Hasil sebagai Peratusan daripada KDNK (% daripada KDNK)¹ Anggaran disemak² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

SEKSYEN 3

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

41 PERSPEKTIF KESELURUHAN

41 PERBELANJAAN 2024

45 TINJAUAN 2025

48 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PERSEKUTUAN

48 KESIMPULAN

Rencana - Langkah Pengimbangan:
Dasar Subsidi Bersasar untuk Melindungi
Kesejahteraan Rakyat yang Memerlukan dan
Memastikan Kemampanan Fiskal

SEKSYEN 3

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

Perspektif Keseluruhan

Ekonomi global berhadapan dengan beberapa cabaran utama termasuk perubahan dasar kewangan khususnya di negara maju, ketegangan geopolitik yang meruncing, ketidaktentuan harga komoditi dan gangguan rantai bekalan. Malaysia yang mengamalkan ekonomi terbuka juga terkesan dengan cabaran global yang boleh menjejaskan perniagaan dan rakyat antaranya termasuk peningkatan harga barangan keperluan. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil pendekatan pragmatik dalam menangani cabaran tersebut berpandukan kepada kerangka Ekonomi MADANI serta Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] untuk mengekalkan kestabilan makroekonomi jangka masa panjang dan melindungi kesejahteraan rakyat di samping mengekalkan kedudukan fiskal yang mapan.

Langkah perbelanjaan optimum merupakan fokus utama dalam penggubalan strategi fiskal yang merangkumi peralihan subsidi pukal kepada subsidi bersasar secara berperingkat serta rasionalisasi agensi kerajaan dan badan berkanun. Pendekatan ini mencerminkan komitmen Kerajaan dalam memelihara pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang dan kestabilan sosial. Di samping itu, bagi mengoptimumkan sumber peruntukan Kerajaan, Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030 (PIKAS 2030) yang baru dilancarkan menekankan mekanisme pembayaran oleh pengguna dan memanfaatkan kecekapan sektor swasta. Secara keseluruhannya, Kerajaan kekal teguh dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan selaras dengan komitmen untuk mengukuhkan kewangan

awam seterusnya membolehkan pelaburan yang mencukupi untuk membangunkan modal insan dan menyediakan infrastruktur berkualiti. Pengkalan pendekatan strategik ini meletakkan Malaysia pada kedudukan yang baik bagi mencapai tahap ekonomi berdaya tahan dan kemakmuran inklusif pada tahun mendatang.

Perbelanjaan 2024

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada 2024 telah disemak semula dan meningkat kepada RM407.5 bilion berbanding peruntukan asal sebanyak RM393.8 bilion antaranya disebabkan oleh perbelanjaan tambahan untuk subsidi. Langkah ini mencerminkan komitmen Kerajaan menyusun semula keutamaan perancangan perbelanjaan bagi mengimbangi perbelanjaan awam dengan kebajikan sosial dan kestabilan ekonomi. Daripada jumlah yang disemak semula, RM321.5 bilion atau 78.9% diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus (OE) manakala baki RM86 bilion atau 21.1% diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan (DE).

Berdasarkan peruntukan mengikut sektor, peruntukan tertinggi disalurkan kepada sektor sosial merangkumi RM151.2 bilion atau 37.1% daripada jumlah ini diikuti oleh ekonomi (RM64.5 bilion; 15.8%), keselamatan (RM40.1 bilion; 9.8%) dan pentadbiran am (RM16.9 bilion; 4.1%). Selain itu, peruntukan bagi perbelanjaan tanggungan dan bayaran pindahan termasuk bayaran khidmat hutang, bayaran persaraan dan serahan kepada negeri meliputi 33.2% daripada jumlah keseluruhan.

Pada 2024, **OE** disemak semula kepada RM321.5 bilion berbanding peruntukan asal RM303.8 bilion dengan komponen utama terdiri daripada emolumen, subsidi dan bantuan sosial, bayaran khidmat hutang, perkhidmatan dan bekalan serta bayaran persaraan mewakili 88.8% daripada jumlah keseluruhan. Pelarasan ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan subsidi dan bantuan sosial, emolumen serta bayaran persaraan. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengagihkan semula sumber untuk mengimbangi sebahagian perbelanjaan tambahan melalui rasionalisasi subsidi elektrik dan subsidi diesel bersasar.

Emolumen kekal sebagai komponen terbesar OE yang mewakili 31% atau RM99.8 bilion. Peruntukan ini meningkat 8.6% berbanding 2023 berikutan Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 kepada penjawat awam pada Februari 2024. Pada Ogos 2024, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) secara berperingkat

bermula Disember 2024 antaranya merangkumi semakan semula skim perkhidmatan, gaji hakiki, elaun, faedah saraan dan pencen. Semakan semula sistem saraan yang kali terakhir dilaksanakan pada 2012 merupakan komponen utama pembaharuan perkhidmatan awam bertujuan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan produktiviti dalam kalangan penjawat awam. Langkah ini selaras dengan teras 'Menaikkan Lantai' di bawah kerangka Ekonomi MADANI bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Subsidi dan bantuan sosial dijangka berkurang sebanyak 14.6% daripada RM71.9 bilion kepada RM61.4 bilion terutamanya disebabkan oleh penerusan rasionalisasi subsidi elektrik dan subsidi diesel bersasar bagi menangani isu ketirisan. Subsidi diesel telah disalurkan semula melalui program Budi MADANI yang merangkumi peluasan penggunaan kad flit untuk penyedia perkhidmatan logistik terpilih di bawah

JADUAL 3.1. *Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Komponen, 2023 – 2025*

KOMPONEN	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2023	2024 ¹	2025 ²	2023	2024 ¹	2025 ²	2023	2024 ¹	2025 ²
Emolumen	91,860	99,760	105,917	4.6	8.6	6.2	29.5	31.0	31.6
Bayaran persaraan	34,080	34,446	40,560	8.5	1.1	17.7	10.9	10.7	12.1
Bayaran khidmat hutang	46,331	50,800	54,700	12.3	9.6	7.7	14.9	15.8	16.3
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	8,688	8,747	9,260	7.0	0.7	5.9	2.8	2.7	2.8
Perkhidmatan dan bekalan	35,898	39,210	40,654	3.5	9.2	3.7	11.5	12.2	12.1
Subsidi dan bantuan sosial	71,873	61,392	52,571	6.7	-14.6	-14.4	23.1	19.1	15.7
Pembelian aset	1,023	1,704	1,182	33.3	66.6	-30.6	0.3	0.5	0.4
Bayaran balik dan hapus kira	526	534	541	-4.2	1.5	1.3	0.2	0.2	0.2
Pemberian kepada badan berkanun	15,753	15,645	16,304	12.4	-0.7	4.2	5.1	4.9	4.9
Lain-lain	5,235	9,262	13,311	-22.3	76.9	43.7	1.7	2.9	3.9
Jumlah	311,267	321,500	335,000	6.3	3.3	4.2	100.0	100.0	100.0
% daripada KDNK	17.1	16.5	16.1						

¹ Anggaran disemak

² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) serta menyediakan bantuan tunai kepada pekebun kecil agri-komoditi dan individu yang layak. Kerajaan juga menambahbaik Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) untuk terus membantu golongan rentan. Sementara itu, Kerajaan akan terus menilai semula mekanisme subsidi sebagai komitmen ke arah pembaharuan perbelanjaan.

Bayaran khidmat hutang (DSC) merupakan komponen perbelanjaan ketiga terbesar yang menyumbang 15.8% daripada OE. Bayaran tersebut diunjur meningkat sebanyak 9.6% dan mencecah RM50.8 bilion disebabkan oleh peningkatan pinjaman semasa pandemik COVID-19 serta strategi Kerajaan untuk beralih daripada instrumen jangka pendek kepada jangka panjang untuk menambah baik profil kematangan hutang. Sebagai item tanggungan dalam Perlembagaan Persekutuan, DSC diberikan keutamaan berbanding perbelanjaan lain.

Perkhidmatan dan bekalan dijangka meningkat sebanyak 9.2% kepada RM39.2 bilion selaras dengan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dan infrastruktur yang memberikan manfaat kepada rakyat dan memastikan akses yang lebih baik kepada perkhidmatan asas. Perbelanjaan ini terutamanya merangkumi perkhidmatan ikhtisas, penyelenggaraan dan pembaikan, bekalan bahan serta perhubungan dan utiliti yang secara kolektif mewakili 83%. Antara penambahbaikan penyampaian perkhidmatan ialah pelanjutan waktu operasi perkhidmatan kaunter seperti di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) serta penambahbaikan perkhidmatan kesihatan melalui pengambilan tambahan pengamal perubatan.

Bayaran persaraan diunjur meningkat sebanyak 1.1% kepada RM34.4 bilion berikutan pertambahan pesara dan penerima manfaat yang mencecah hampir 950,000 orang. Kerajaan sedang meneroka strategi yang

boleh dilaksanakan untuk mengurus tanggungan pencen secara berkesan serta memastikan kemampuan fiskal bagi mengurangkan beban liabiliti pencen pada masa hadapan.

Sebanyak RM15.6 bilion atau 4.9% daripada OE diperuntukkan untuk *pemberian kepada badan berkanun* terutamanya kepada institusi pengajian tinggi awam bagi membiayai emolumen serta perkhidmatan dan bekalan. Peruntukan ini adalah 0.7% lebih rendah berbanding 2023 memandangkan terdapat badan berkanun yang berupaya menjana pendapatan bagi menampung perbelanjaan operasi. Satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan bagi menangani isu pertindihan fungsi dalam kalangan agensi dan badan berkanun persekutuan ke arah sektor awam yang lebih cekap, berkesan dan tangkas. Selain itu, *pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri* dianggarkan berjumlah RM8.7 bilion dengan RM6.7 bilion merupakan pindahan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pada 2024, **DE** dianggar berkurang sebanyak 10.5% kepada RM86 bilion terutamanya disebabkan oleh pengurangan komitmen kewangan. Walau bagaimanapun, DE bagi 2024 meningkat sebanyak 3.5% tanpa mengambil kira penebusan bon 1Malaysia Development Berhad sebanyak RM13 bilion pada 2023. Pengagihan semula DE dilaksanakan secara strategik mengikut keutamaan projek bagi memastikan sumber diagih secara optimum selaras dengan pelan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12). Dari segi agihan, sektor ekonomi kekal sebagai penerima manfaat terbesar iaitu 48.1% diikuti oleh sektor sosial (32.8%), keselamatan (14.6%) dan pentadbiran am (4.5%).

Peruntukan bagi *sektor ekonomi* dianggar sebanyak RM41.4 bilion. Peruntukan subsektor pengangkutan yang merangkumi 39.3% daripada jumlah keseluruhan sektor terutamanya adalah untuk projek infrastruktur

utama yang sedang dilaksanakan seperti Lebuhraya Pan Borneo, Projek Landasan Berkembar Lembah Klang (Fasa 2) serta Rapid Transit System Link (RTS Link) antara Johor Bahru dan Singapura. Subsektor kedua terbesar iaitu perdagangan dan perindustrian diunjur berkembang sebanyak 19.9% mencapai RM3.6 bilion berikutan penubuhan Dana Pembangunan Perindustrian dan Dana Pelaburan Bersama Strategik di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) yang bertujuan menarik pelaburan bernilai tinggi ke Malaysia. Peruntukan bagi subsektor alam sekitar dijangka mengalami pertumbuhan ketara sebanyak 79% mencapai RM3.3 bilion mencerminkan tumpuan kepada projek berkaitan mitigasi banjir dan bencana alam. Subsektor pertanian dianggar berkembang 3.2% kepada RM3.1 bilion berikutan penekanan berterusan kepada pengukuhan program sekuriti makanan dan penanaman semula serta penyelenggaraan infrastruktur pertanian dan sistem pengairan.

Sektor sosial iaitu sektor kedua terbesar diunjur berkembang sebanyak 16.4% kepada RM28.2 bilion pada 2024. Pelajaran dan latihan yang merupakan subsektor terbesar dianggar meningkat sebanyak 17.1% kepada RM14.3 bilion. Peruntukan subsektor ini terutamanya disalurkan untuk membina dan menaik taraf sekolah, institusi latihan dan universiti serta pelaksanaan program pembangunan modal insan. Sementara itu, peruntukan bagi subsektor kesihatan dianggar meningkat dengan ketara sebanyak 28.1% kepada RM6.1 bilion terutamanya untuk pembinaan, pengubahsuaian dan penyelenggaraan kemudahan penjagaan kesihatan di seluruh negara termasuk hospital, klinik luar bandar dan kemudahan penyelidikan perubatan. Walau bagaimanapun, peruntukan bagi subsektor perumahan dijangka berkurang sebanyak 5.1% kepada RM2 bilion terutamanya disebabkan oleh pelaksanaan projek sedia ada di bawah skim Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) yang hampir siap.

JADUAL 3.2. *Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor, 2023 – 2025*

SEKTOR	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2023	2024 ¹	2025 ²	2023	2024 ¹	2025 ²	2023	2024 ¹	2025 ²
Ekonomi	57,238	41,371	39,976	46.3	-27.7	-3.4	59.6	48.1	46.5
<i>antaranya:</i>									
Pengangkutan	17,761	16,258	17,559	7.3	-8.5	8.0	18.5	18.9	20.4
Perdagangan dan perindustrian	3,011	3,611	3,131	30.4	19.9	-13.3	3.1	4.2	3.6
Tenaga dan kemudahan awam	2,374	3,070	3,044	0.6	29.3	-0.8	2.5	3.6	3.5
Pertanian	3,020	3,116	3,062	18.5	3.2	-1.7	3.1	3.6	3.6
Alam sekitar	1,860	3,330	3,203	7.1	79.0	-3.8	1.9	3.9	3.7
Sosial	24,247	28,220	29,902	14.7	16.4	6.0	25.2	32.8	34.8
<i>antaranya:</i>									
Pelajaran dan latihan	12,185	14,268	15,024	21.5	17.1	5.3	12.7	16.6	17.5
Kesihatan	4,796	6,143	6,853	8.7	28.1	11.6	5.0	7.1	8.0
Perumahan	2,105	1,998	2,318	27.4	-5.1	16.0	2.2	2.3	2.7
Keselamatan	11,381	12,514	12,334	38.6	10.0	-1.4	11.8	14.6	14.3
Pentadbiran am	3,225	3,895	3,788	3.4	20.8	-2.7	3.4	4.5	4.4
Jumlah	96,091	86,000	86,000	34.3	-10.5	0	100.0	100.0	100.0
% daripada KDNK	5.3	4.4	4.1						

¹ Anggaran disemak

² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Peruntukan bagi *sektor keselamatan* meningkat sebanyak 10% kepada RM12.5 bilion. Sektor ini yang merangkumi subsektor pertahanan dan keselamatan dalam negeri dijangka meningkat sebanyak 5.2% dan 17.6% kepada RM7.4 bilion dan RM5.1 bilion. Peruntukan yang besar disalurkan kepada perolehan aset seperti pesawat dan kapal peronda, pembangunan Sistem Imigresen Bersepadu Nasional dan pembinaan ibu pejabat polis.

Sektor pentadbiran am turut mencatat peningkatan sebanyak 20.8% kepada RM3.9 bilion. Sebahagian besar peruntukan ini tertumpu kepada penambahbaikan sistem rangkaian dan pengurusan aset serta menaik taraf pejabat kerajaan.

Tinjauan 2025

Kerajaan kekal komited untuk menyediakan sumber perbelanjaan yang mencukupi terutamanya kepada perkhidmatan asas dan program yang menyokong pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kebajikan awam bagi melahirkan masyarakat yang lebih berdaya tahan dan sejahtera. Sejumlah RM421 bilion atau 20.2% daripada KDNK akan diperuntukkan bagi Belanjawan 2025 iaitu meningkat 3.3% daripada peruntukan 2024 yang disemak semula. Daripada jumlah ini, RM335 bilion atau 79.6% daripada keseluruhan perbelanjaan disalurkan kepada OE, baki RM86 bilion diperuntukkan untuk DE. Tiga penerima utama Belanjawan 2025 ialah Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Pertahanan (MINDEF) yang secara kolektif menyumbang 31% daripada jumlah keseluruhan.

Dari segi peruntukan sektor, sebanyak RM163 bilion atau 38.7% daripada jumlah perbelanjaan diperuntukkan kepada sektor sosial diikuti ekonomi (RM62.2 bilion; 14.8%), keselamatan (RM42.6 bilion; 10.1%) dan pentadbiran am (RM23.1 bilion; 5.5%). Baki RM130.1 bilion diperuntukkan untuk perbelanjaan tanggungan dan bayaran pindahan.

Pada 2025, **OE** dianggar berjumlah RM335 bilion atau 16.1% daripada KDNK iaitu peningkatan sebanyak 4.2% berbanding peruntukan 2024 yang disemak semula berikutan peruntukan yang tinggi untuk emolumen, bayaran persaraan dan DSC. Peruntukan perkhidmatan dan bekalan juga dijangka meningkat bagi memenuhi permintaan terhadap penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan. Pengurusan perbelanjaan berhemat akan terus diutamakan untuk mengoptimumkan sumber serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan awam.

Emolumen kekal sebagai komponen terbesar OE yang menyumbang 31.6% dan diunjur berkembang sebanyak 6.2% kepada RM105.9 bilion. Pelaksanaan SSPA yang melibatkan kenaikan gaji hakiki antara 7% hingga 15% secara berperingkat menyumbang kepada peningkatan OE. *Bayaran persaraan* yang menyumbang 12.1% kepada OE dijangka meningkat sebanyak 17.7% kepada RM40.6 bilion. Daripada jumlah ini, RM30.3 bilion atau 74.6% diperuntukkan untuk bayaran pencen manakala selebihnya untuk bayaran ganjaran dan gantian cuti rehat. Bayaran pencen akan diselaraskan dengan sewajarnya melalui pelaksanaan SSPA pada Disember 2024.

Sebanyak RM54.7 bilion diperuntukkan untuk DSC yang mewakili 16.3% daripada OE. Daripada jumlah ini, 98.5% atau RM53.9 bilion adalah untuk pinjaman domestik manakala baki adalah untuk pinjaman luar pesisir. Strategi pengurusan hutang yang berhemat oleh Kerajaan dengan mengurangkan pendedahan risiko dan kos pembiayaan membolehkan Kerajaan mengoptimumkan DSC.

Subsidi dan bantuan sosial yang merangkumi 15.7% daripada OE diunjur berkurang sebanyak 14.4% kepada RM52.6 bilion pada 2025. Pengurangan ini selaras dengan pelaksanaan program rasionalisasi subsidi elektrik dan subsidi bahan api bersasar. Daripada jumlah keseluruhan, 45.5% diperuntukkan untuk pelbagai bentuk bantuan sosial dan insentif bagi menyokong kumpulan rentan.

Perkhidmatan dan bekalan yang merangkumi 12.1% daripada OE dijangka meningkat sebanyak 3.7% kepada RM40.7 bilion. Sebanyak 86.6% daripada peruntukan ini adalah untuk bekalan bahan, perkhidmatan pembersihan dan keselamatan, pembaikan dan penyelenggaraan, perhubungan dan utiliti serta perkhidmatan lain. Penerima peruntukan tertinggi adalah KKM dan KPM terutamanya bagi operasi hospital dan sekolah.

Peruntukan sebanyak RM16.3 bilion akan disediakan sebagai *pemberian kepada badan berkanun* bagi membiayai sebahagian perbelanjaan operasi seperti emolumen serta perkhidmatan dan bekalan. Penerima utama terdiri daripada 20 universiti awam dan sembilan hospital pengajar yang menyumbang 61.8% daripada keseluruhan peruntukan. Selain itu, RM9.3 bilion daripada jumlah OE diperuntukkan untuk *pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri* dengan RM7.2 bilion merupakan pemberian seperti yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan terbesar adalah untuk penyelenggaraan jalan negeri. Bagi pemberian geran khas, Sabah dan Sarawak merupakan penerima utama dengan peningkatan daripada RM300 juta kepada RM600 juta.

DE sebanyak RM86 bilion dikekalkan pada 2025 yang merupakan tempoh akhir RMKe-12 dengan sektor ekonomi merupakan penerima tertinggi (46.5%) diikuti oleh sosial (34.8%), keselamatan (14.3%) dan pentadbiran am (4.4%). Di bawah *Rolling Plan* Kelima, hampir 2,000 projek dan program baharu diluluskan dengan anggaran kos berjumlah RM58.6 bilion. Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program dan projek di samping memperkenalkan inisiatif baharu yang memberi impak tinggi kepada ekonomi bagi mengekalkan momentum pertumbuhan dan menambah baik kualiti hidup rakyat.

Peruntukan sebanyak RM40 bilion disediakan kepada *sektor ekonomi* bagi meningkatkan daya saing negara melalui penyediaan infrastruktur

dan sokongan penting kepada pelaburan. Subsektor utama yang menerima peruntukan tertinggi adalah pengangkutan, alam sekitar serta perdagangan dan perindustrian. Subsektor pengangkutan yang diperuntukkan sebanyak RM17.6 bilion atau 43.9% daripada keseluruhan sektor menumpukan kepada peningkatan ketersambungan terutamanya di kawasan luar bandar dan pengurangan kesesakan di kawasan bandar. Projek baharu yang utama termasuk pembinaan jambatan dan jalan dari Ng Belawai ke Song-Kapit di Sarawak, penambahan lorong untuk Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dari Yong Peng ke Senai Utara (Fasa 3: Simpang Renggam-Machap) di Johor, manakala projek yang sedang dilaksanakan termasuk Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Jalan Lingkaran Sabah-Sarawak.

Sebanyak RM3.2 bilion diperuntukkan untuk subsektor alam sekitar bagi menyokong pemeliharaan alam semula jadi dan agenda perubahan iklim antaranya dua projek mitigasi banjir yang baharu iaitu di Sungai Langat, Selangor dan Sungai Samagagah, Perak. Selain itu, enam projek pemuliharaan sungai akan dilaksanakan di kawasan seperti Sungai Mengkabong, Sungai Bongawan dan Sungai Lakutan di Sabah; Sungai Batang Sadong dan Sungai Baram di Sarawak; serta Sungai Pengkalan Datu di Kelantan. Usaha tersebut menzahirkan komitmen Kerajaan terhadap pemeliharaan ekosistem dan mitigasi risiko berkaitan perubahan iklim.

Subsektor perdagangan dan perindustrian diperuntukkan sebanyak RM3.1 bilion bagi memacu pertumbuhan industri masa hadapan dan peralihan tenaga mampan dengan RM200 juta diperuntukkan untuk NIMP 2030 dan RM306 juta untuk Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) bagi memudah cara pelaburan. Di samping itu, peruntukan akan disalurkan kepada Dana Fasilitasi Infrastruktur bagi Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dan pembangunan Silver Valley Technology Park 1 di Kinta, Perak yang bertujuan menarik pelaburan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi serantau.

Kerajaan juga memperuntukkan RM7.1 bilion untuk memenuhi komitmen kewangan terutamanya bagi pengangkutan awam dan pembangunan hartanah. Usaha ini akan menyokong pembangunan infrastruktur kritikal dan memacu aktiviti ekonomi seterusnya memastikan agar berdaya tahan dan berdaya saing dalam jangka masa panjang.

Sektor sosial yang diperuntukkan sebanyak RM29.9 bilion merupakan penerima manfaat kedua terbesar selepas sektor ekonomi dengan peningkatan sebanyak 6% berbanding RM28.2 bilion pada 2024. Subsektor pelajaran dan latihan terus menerima peruntukan terbesar berjumlah RM15 bilion. Peruntukan ini bertujuan untuk menambah baik institusi pendidikan dengan menaik taraf infrastruktur ICT bagi merapatkan jurang antara bandar dengan luar bandar serta membantu meningkatkan prestasi Malaysia dalam penilaian antarabangsa seperti Programme for International Student Assessment (PISA) dan Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS). Bagi menyokong matlamat tersebut, peruntukan disediakan bagi menaik taraf infrastruktur Rangkaian Kawasan Setempat (LAN) untuk 1,528 agensi dan institusi di bawah KPM serta pelaksanaan bilik darjah pintar di 400 institusi terpilih. Selain itu, 46 sekolah baharu dan 122 projek untuk baik pulih sekolah daif terutamanya di Sabah dan Sarawak telah diluluskan dengan anggaran kos RM8.5 bilion. Usaha tersebut menggambarkan komitmen Kerajaan bagi peningkatan akses dan kualiti pendidikan dalam memastikan generasi akan datang menerima manfaat berterusan.

Subsektor kesihatan diperuntukkan sebanyak RM6.9 bilion bagi meningkatkan infrastruktur dan kemudahan kesihatan di kawasan bandar dan luar bandar merangkumi semua kumpulan pendapatan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan cekap. Pada 2025, inisiatif utama akan tertumpu kepada pembinaan klinik baharu di kawasan luar

bandar serta membaik pulih dan menaik taraf klinik daif dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM800 juta. Ini bertujuan untuk memperluas akses penjagaan kesihatan terutamanya kepada komuniti yang terpinggir.

Sejumlah RM2.3 bilion telah diperuntukkan untuk projek baharu di bawah subsektor perumahan termasuk pembangunan Perumahan Inklusif MADANI; Bandar Mini PR1MA di Teluk Intan, Perak serta Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seberang Perai, Pulau Pinang dan PPR Kampung Linggi, Port Dickson, Negeri Sembilan. Selain itu, projek Rumah Mesra Rakyat (RMR) di Sabah dan Sarawak akan diteruskan pada 2025.

Sektor keselamatan akan menerima peruntukan sebanyak RM12.3 bilion dengan RM8.2 bilion akan disalurkan kepada subsektor pertahanan dan RM4.1 bilion kepada subsektor keselamatan dalam negeri bertujuan untuk memperkukuh keselamatan negara dan menjaga ketenteraman awam. Kerajaan komited untuk menaik taraf aset ketenteraan dan peralatan keselamatan di samping menambah baik taraf hidup anggota keselamatan dan keluarga melalui pembinaan kuarters baharu. Selain itu, peruntukan akan disalurkan bagi membaik pulih pusat latihan untuk menyokong pelaksanaan semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) melalui penyediaan kemudahan yang sesuai untuk latihan yang berkesan dan menyemai semangat perpaduan dalam kalangan belia negara.

Sebanyak RM3.8 bilion diperuntukkan untuk *sektor pentadbiran am* selaras dengan usaha berterusan Kerajaan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan sektor awam. Peruntukan ini akan menyokong penambahbaikan sistem ICT merentasi semua jabatan kerajaan di samping membaik pulih dan menyelenggara bangunan serta kemudahan kerajaan.

Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan

Sehingga akhir Disember 2023, jumlah keseluruhan Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan¹ di bawah Tabung Pembangunan mencatat RM41.1 bilion atau 2.3% daripada KDNK. Pinjaman kepada syarikat merupakan bahagian terbesar iaitu RM26.8 bilion diikuti oleh kerajaan negeri (RM9.3 bilion), Badan Berkanun Persekutuan (RM5 bilion) serta lain-lain pertubuhan dan koperasi (RM69 juta).

Pengeluaran pinjaman melalui DE pada 2024 dianggarkan sebanyak RM1 bilion. Kerajaan negeri kekal sebagai penerima terbesar iaitu sebanyak RM750 juta diikuti oleh syarikat (RM144 juta), Badan Berkanun Persekutuan (RM108 juta) serta lain-lain pertubuhan dan koperasi (RM8 juta). Pinjaman ini akan digunakan terutamanya untuk program dan inisiatif berkaitan peningkatan perkhidmatan bekalan air dan elektrik serta infrastruktur rawatan kumbahan.

Pada 2024, Kerajaan dijangka menerima bayaran balik pinjaman berjumlah RM1.2 bilion. Bayaran balik tertinggi dijangka diterima daripada syarikat sebanyak RM614 juta diikuti oleh kerajaan negeri (RM425 juta). Bayaran balik selebihnya dijangka diterima daripada Badan Berkanun Persekutuan (RM96 juta) serta lain-lain pertubuhan dan koperasi (RM18 juta).

Pada 2025, Kerajaan Persekutuan akan terus menyediakan pinjaman melalui DE kepada kerajaan negeri, Badan Berkanun Persekutuan, syarikat serta lain-lain pertubuhan dan

koperasi untuk meningkatkan infrastruktur dan memperbaiki kualiti hidup rakyat. Jumlah pengeluaran pinjaman dianggarkan sebanyak RM1.4 bilion dengan kerajaan negeri kekal sebagai penerima terbesar iaitu sebanyak RM1 bilion diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan (RM263 juta), syarikat (RM141 juta) serta lain-lain pertubuhan dan koperasi (RM3 juta). Sementara itu, bayaran balik pinjaman diunjur sebanyak RM1.3 bilion dengan RM707 juta bayaran balik dijangka diterima daripada syarikat manakala kerajaan negeri dijangka membayar balik RM510 juta. Baki bayaran balik dijangka diterima daripada Badan Berkanun Persekutuan (RM75 juta) serta lain-lain pertubuhan dan koperasi (RM29 juta).

Kesimpulan

Kerajaan kekal komited dalam meningkatkan disiplin perbelanjaan melalui pelaksanaan pelbagai program berpaksikan rakyat. Kerangka menyeluruh Ekonomi MADANI menjadi panduan kepada pelaksanaan inisiatif Kerajaan menjelang akhir tempoh RMKe-12 dan pada masa yang sama menyediakan asas kepada Rancangan Malaysia Ketiga Belas. Berdasarkan prinsip ini, ketelusan dan akauntabiliti terus diperkukuh melalui penerbitan penyata prabelanjawan dan laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun yang meningkatkan ketelusan dan kepercayaan terhadap pengurusan kewangan awam. Justeru, setiap sumber yang dibelanjakan dijangka dapat menyumbang kepada kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.

¹ Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan merupakan sebahagian daripada Aset Kewangan Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada kemudahan pinjaman kepada kerajaan negeri, kerajaan tempatan, badan berkanun, syarikat, koperasi dan pelbagai organisasi

RENCANA

Langkah Pengembangan: Dasar Subsidi Bersasar untuk Melindungi Kesejahteraan Rakyat yang Memerlukan dan Memastikan Kemampuan Fiskal

Kesejahteraan rakyat merupakan agenda penting dalam pembangunan sosioekonomi negara. Ketidaktentuan harga komoditi dunia yang memberi kesan kepada kos sara hidup di peringkat domestik telah menyebabkan tekanan yang besar kepada kehidupan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Keadaan ini mampu memberikan kesan yang signifikan kepada perbelanjaan isi rumah bagi menyediakan keperluan asas seperti makanan, kesihatan, pendidikan dan simpanan jangka masa panjang. Oleh yang demikian, Kerajaan telah menyediakan program subsidi dan bantuan sosial sebagai instrumen penting bagi mengurangkan kesan kenaikan kos sara hidup seterusnya meringankan beban kewangan rakyat. Program tersebut bertujuan melindungi kesejahteraan sosial dan meningkatkan keterangkuman.

Walau bagaimanapun, kebergantungan yang tinggi terhadap subsidi dan bantuan sosial tidak bersasar yang dinikmati oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira kumpulan pendapatan telah menyumbang kepada ketirisan dan ketidakcekapan dalam perbelanjaan Kerajaan. Sehubungan itu, Kerajaan berhadapan dengan cabaran bagi mengimbangi antara kesejahteraan sosial dan pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran dasar fiskal berhemat. Krisis COVID-19 telah mendatangkan cabaran yang lebih besar dalam menguruskan kewangan awam dengan pendedahan risiko fiskal yang meningkat. Usaha melindungi nyawa dan mata pencarian semasa tempoh pandemik menyebabkan Kerajaan melaksanakan intervensi melalui peningkatan rangsangan fiskal dan membantu pemulihan ekonomi. Justeru, pelbagai program bantuan sosial turut diperluas seterusnya menambah bebanan fiskal kepada Kerajaan. Rentetan itu, terdapat keperluan untuk penjajaran semula subsidi yang lebih bersasar secara strategik bagi mengimbangi antara kemampuan fiskal dengan objektif pertumbuhan ekonomi di samping melindungi kesejahteraan rakyat seterusnya merealisasikan matlamat Ekonomi MADANI.

Program Subsidi, Insentif dan Bantuan


Secara amnya, program bantuan sosial di Malaysia terbahagi kepada tiga komponen seperti berikut:

1. **Subsidi:** Mekanisme sokongan yang disediakan oleh Kerajaan melalui penyaluran terus kepada pengeluar, perniagaan atau penyedia perkhidmatan bertujuan untuk menstabilkan harga barangan dan perkhidmatan, menjadi lebih mampu milik seterusnya mengurangkan beban kewangan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana. Subsidi menampung sebahagian kos barangan keperluan seperti minyak masak, bahan api, tol lebuhraya dan bekalan elektrik. Selain itu, pengusaha yang terlibat dalam sektor pertanian khususnya pesawah boleh mendapat manfaat daripada subsidi input seperti benih dan baja yang dapat membantu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran sekali gus memastikan sasaran keterjaminan makanan tercapai.
2. **Insentif:** Dirangka untuk menyokong industri dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi terutamanya bagi meningkatkan hasil dan produktiviti sektor pertanian. Sebagai contoh, Kerajaan menyediakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) untuk meningkatkan pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil. Selain itu, Insentif Pendaratan Ikan diberikan sebagai dorongan untuk meningkatkan hasil pendaratan ikan dan mengurangkan kesan kehilangan pendapatan akibat musim yang tidak menentu. Pendekatan ini menyokong hasrat keterjaminan bekalan makanan di samping menggalakkan aktiviti ekonomi.

3. **Bantuan:** Merangkumi program bantuan tunai langsung kepada golongan rentan seperti golongan miskin, orang kurang upaya, warga emas, pelajar, ibu tunggal dan kanak-kanak. Program bantuan tunai seperti elaun di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) disediakan untuk membantu individu dan keluarga berpendapatan rendah meningkatkan kualiti hidup dan mencapai tahap kemampuan sara diri. Kategori ini juga meliputi biasiswa pendidikan dan Bantuan Awal Persekolahan (BAP).

Kerajaan membelanjakan secara purata RM30 bilion setahun untuk program subsidi, insentif dan bantuan dalam tempoh sedekad sebelum pandemik COVID-19 seperti dalam Rajah 1. Walau bagaimanapun, Kerajaan terpaksa membelanjakan lebih daripada RM203 bilion dalam tempoh 2020 hingga 2022 dengan perbelanjaan tertinggi sebanyak RM95 bilion pada 2022 untuk mengimbangi impak pandemik. Perbelanjaan yang tinggi dalam tempoh tersebut disebabkan oleh pemberian dan peningkatan bantuan tunai kepada individu serta perniagaan yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan di samping subsidi yang tinggi dan kenaikan ketara harga komoditi dunia. Selain itu, program *one-off* seperti rebat bil elektrik, subsidi upah dan subsidi pengangkutan awam telah diperkenalkan seterusnya menyumbang kepada perbelanjaan lebih besar yang dibiayai melalui pinjaman di bawah Kumpulan Wang Amanah COVID-19 (KWC-19). Sebahagian besar program subsidi dan bantuan sosial *one-off* di bawah KWC-19 masih diteruskan selepas pandemik dengan peruntukan disediakan melalui belanjawan tahunan Kerajaan. Komitmen ini telah meningkatkan beban fiskal Kerajaan seterusnya memerlukan pengurusan fiskal secara mampan pada era pascapandemik.

RAJAH 1. Subsidi, Insentif dan Bantuan, 2009 – 2024¹



¹ Anggaran disemak
Sumber : Kementerian Kewangan Malaysia

Isu dan Cabaran

Kerajaan terus menghadapi cabaran dalam mengimbangi komitmen antara membina semula ruang fiskal dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi dengan memastikan kesejahteraan rakyat berikutan perbelanjaan untuk program bantuan sosial terus meningkat akibat ketidakcekapan, ketirisan dan kenaikan kos sara hidup. Selain itu, penjanaan hasil yang rendah terus mengekang keupayaan Kerajaan dalam membiayai program bantuan sosial.

1. Ketidakecekapan dan ketirisan


Kaedah pemberian subsidi dan bantuan sosial sedia ada terutamanya subsidi berasaskan penggunaan terdedah kepada ketidakecekapan dan ketirisan. Sebagai contoh, jumlah penggunaan diesel bersubsidi telah meningkat secara mendadak melebihi 80% iaitu daripada 6.1 billion liter pada 2019 kepada 10.8 bilion liter pada 2023 walaupun tiada peningkatan ketara bagi kenderaan diesel baharu dalam tempoh tersebut yang menunjukkan kemungkinan berlaku ketirisan subsidi. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada 2023 juga melaporkan sebanyak 1,853 kes penyeludupan dan penyalahgunaan barang kawalan berbanding 1,196 kes pada 2022. Ketirisan tersebut tidak hanya menjejaskan keberkesanan program subsidi malah mengakibatkan pembaziran sumber awam yang ketara.

Pemberian subsidi berasaskan penggunaan juga boleh menghalang pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang dan mengekang kemajuan sektor strategik seterusnya menjejaskan pembangunan dan kemakmuran negara secara keseluruhan. Sebagai contoh, penjimatan sebanyak RM1 bilion daripada program subsidi dan bantuan sosial boleh digunakan bagi membiayai pembinaan lebih dari 10 sekolah dengan andaian purata kos pembinaan sebanyak RM80 juta bagi setiap sekolah. Pelaburan dalam infrastruktur pendidikan dapat memberikan impak lebih besar kepada generasi akan datang melalui peningkatan kualiti pendidikan, menyediakan peluang lebih baik kepada pelajar dan memacu pembangunan masyarakat dalam jangka masa panjang.

2. Peningkatan kos sara hidup

Kerajaan akan terus memberikan keutamaan kepada aspek kos sara hidup dalam pelaksanaan subsidi bersasar memandangkan langkah ini memberikan kesan langsung kepada sektor ekonomi dan perbelanjaan isi rumah. Penyasaran semula subsidi terutamanya subsidi berkaitan bahan api boleh menyebabkan kenaikan harga barangan keperluan asas dan perkhidmatan yang secara tidak langsung akan menjejaskan kuasa beli rakyat. Sebagai contoh, pemansuhan subsidi bahan api pada Jun 2008 telah menyebabkan lonjakan inflasi secara mendadak daripada 2.3% pada Januari kepada 8.5% pada Julai 2008 seperti dalam Rajah 2. Bagi mengurangkan impak pemansuhan subsidi bahan api ini, Kerajaan menyediakan bantuan tunai dan rebat cukai jalan secara *one-off* kepada pemilik kenderaan persendirian dan motosikal terpilih.

Kerajaan beralih daripada penetapan harga minyak secara tetap kepada pendekatan pengapungan secara bulanan dan seterusnya secara mingguan dalam tempoh 2014 hingga 2018. Pendekatan ini membolehkan harga runcit minyak diselaraskan lebih kerap dan berkadar dengan pergerakan harga minyak dalam pasaran global. Penyesuaian harga minyak secara berperingkat tidak memberi kesan ketara kepada inflasi dengan purata sebanyak 2.4% dicatatkan sepanjang tempoh tersebut. Pemberian bantuan tunai tahunan secara bersasar telah disediakan kepada kumpulan isi rumah berpendapatan terendah 40% (B40) sebagai langkah mengurangkan kesan rasionalisasi subsidi pada ketika itu. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus memastikan pemindahan kos kepada rakyat akibat langkah penyasaran subsidi serta impak ke atas inflasi dapat dikurangkan melalui langkah sokongan kepada kumpulan sasar.

RAJAH 2. Kadar Inflasi dan Harga Runcit Minyak di Pam, 2008 – 2018

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

3. Asas hasil cukai yang kecil

Kemajuan ekonomi dan sosial Malaysia seharusnya diterjemahkan kepada pertumbuhan penjana hasil terutamanya hasil berkaitan cukai. Usaha penjana hasil perlu dipergiat bagi menampung peningkatan perbelanjaan Kerajaan berikutan pemberian bantuan sosial yang tinggi. Peralihan daripada kebergantungan tinggi terhadap hasil berkaitan petroleum kepada sistem berasaskan cukai yang lebih pelbagai selaras dengan amalan terbaik antarabangsa untuk asas hasil yang lebih mampan. Walau bagaimanapun, nisbah hasil cukai negara berbanding KDNK iaitu 11.7% pada 2022 tidak mencerminkan pertumbuhan ekonomi dan guna tenaga. Nisbah hasil cukai berbanding KDNK Malaysia juga adalah lebih rendah berbanding negara serantau seperti Filipina (14.6%), Thailand (14.4%) dan Singapura (12%) (Bank Dunia, 2022).


Defisit tahunan negara meningkat daripada RM53 bilion kepada RM91 bilion antara 2018 hingga 2023 disebabkan oleh pertumbuhan hasil yang tidak selari dengan peningkatan perbelanjaan operasi yang sebahagiannya berpunca daripada peningkatan ketara dalam perbelanjaan subsidi, insentif dan bantuan sosial (2018: RM30.6 bilion, 2023: RM76.8 bilion). Keadaan ini menyebabkan baki fiskal semasa semakin mengecil dan menjejaskan keupayaan Kerajaan untuk menangani cabaran yang boleh menjejaskan kestabilan ekonomi. Justeru, terdapat keperluan untuk memperluas asas hasil cukai.

Penambahbaikan Subsidi Bersasar: Satu Pendekatan Strategik

Pelaksanaan subsidi dan bantuan sosial secara pukal telah menyediakan sokongan kewangan kepada rakyat tanpa mengira tahap pendapatan. Pendekatan ini menyebabkan ketidakcekapan pengurusan sumber berikutan penyeludupan, penyalahgunaan, pembaziran serta memanfaatkan golongan tidak layak seperti golongan kaya dan bukan warganegara. Menyedari kelemahan tersebut, peralihan kepada langkah subsidi lebih bersasar dan mampan telah mula dilaksanakan dengan penjajaran semula beberapa dasar utama bagi tujuan mengoptimumkan perbelanjaan subsidi kepada penerima yang berkecukupan.

Pendekatan Kerajaan pascapandemik COVID-19 dibuat secara strategik dan berhati-hati bagi mengelakkan momentum pertumbuhan negara terjejas dan tekanan inflasi yang ketara. Sehubungan itu, langkah penyasaran semula subsidi telah dilaksanakan secara berfasa dan teratur bermula dengan pelarasan surcay tarif elektrik diikuti oleh penamatan subsidi dan kawalan ke atas harga ayam, semakan semula tarif bekalan air serta penyasaran semula subsidi diesel. Penambahbaikan juga telah dilaksanakan ke atas beberapa program bantuan sosial bersasar seperti bantuan tunai bagi mengurangkan kesan peralihan kepada subsidi bersasar. Rajah 3 menjelaskan sorotan pencapaian usaha tersebut.

RAJAH 3. Sorotan Langkah Subsidi Bersasar Pascapandemik COVID-19



Sumber: Suruhanjaya Tenaga, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air dan Kementerian Kewangan Malaysia

1. Mekanisme Pelepasan Kos Tidak Berimbang

Kerajaan telah memperkenalkan mekanisme Pelepasan Kos Tidak Berimbang (ICPT) sejak 2014 sebagai sebahagian daripada rangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif bagi melaksanakan pelarasan tarif elektrik setiap enam bulan selari dengan perubahan harga bahan api dan kos penjanaan. Mekanisme ini menggambarkan kos sebenar bekalan elektrik dalam menentukan kadar caj yang akan dikenakan kepada pengguna dan subsidi yang ditanggung Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan terpaksa menampung kos surcaj ICPT dan menyediakan rebat bil elektrik melalui bantuan subsidi kepada semua pengguna kediaman dan bukan kediaman semasa pandemik.

Pada separuh pertama 2023, Kerajaan mula menyemak semula subsidi elektrik kepada pengguna bukan kediaman dengan mengenakan surcaj ICPT kepada semua pengguna kategori voltan sederhana dan tinggi yang terdiri daripada segmen industri dan komersial yang bukan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) pada kadar RM0.20 setiap kilowatt jam (kWj) di samping mengekalkan rebat bil elektrik kepada pengguna kediaman. Pelarasan berfasa diteruskan pada separuh kedua 2023 dengan mengenakan surcaj sebanyak RM0.10/kWj kepada pengguna kediaman dengan penggunaan elektrik melebihi 1,500 kWj iaitu pengguna kediaman dengan bil bulanan minimum sebanyak RM708. Pelarasan ini hanya memberikan kesan kepada 1% pengguna kediaman memandangkan rebat bil elektrik sebanyak RM0.02/kWj bagi pengguna kediaman di bawah 1,500 kWj masih dikekalkan. Sementara itu, kadar surcaj kepada pengguna industri dan komersial selain PMKS diturunkan daripada RM0.20/kWj kepada RM0.17/kWj.

Kerajaan meneruskan langkah penstrukturan subsidi elektrik pada separuh pertama 2024 dengan mengehadkan rebat bil elektrik kepada pengguna kediaman dengan penggunaan bulanan 600 kWj dan ke bawah. Surcaj ICPT kepada penggunaan bulanan melebihi 1,500 kWj dikekalkan manakala tiada surcaj ICPT dikenakan kepada penggunaan bulanan antara 600 kWj hingga 1,500 kWj. Pada separuh kedua 2024, hanya surcaj ICPT kepada pengguna bukan kediaman sahaja disemak semula. Pelarasan berfasa ini menunjukkan komitmen Kerajaan dalam memastikan harga tenaga yang lebih saksama di samping menggalakkan penggunaan tenaga yang lebih cekap dalam kalangan pengguna.

2. Barangan Makanan

Peningkatan kos makanan ayam pada awal 2022 telah menjejaskan bekalan ayam dalam pasaran. Sebagai langkah intervensi, Kerajaan telah memperkenalkan subsidi kepada penternak ayam di samping penetapan harga siling runcit secara berperingkat. Pada Februari 2022, harga siling runcit ayam standard ditetapkan pada RM8.90 sekilogram (kg) dengan subsidi ayam sebanyak RM0.60/kg. Pada masa yang sama, penternak ayam penelur turut diberikan subsidi sebanyak RM0.05 bagi sebiji telur ayam untuk mengimbangi kenaikan kos pengeluaran. Pada Julai 2022, harga siling runcit ayam standard dinaikkan kepada RM9.40/kg, diikuti dengan kenaikan subsidi ayam kepada RM0.80/kg pada September 2022. Subsidi untuk telur ayam juga dinaikkan kepada RM0.08 sebiji dan seterusnya kepada RM0.10 sebiji pada November 2022.

Mekanisme subsidi ini dikekalkan sehingga November 2023 sebelum Kerajaan memutuskan untuk memansuhkan subsidi dan kawalan harga ayam berikutan harga pasaran kembali stabil manakala subsidi telur ayam masih dikekalkan. Secara keseluruhan, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM3.8 bilion bagi pelaksanaan subsidi ayam dan telur pada 2022

dan 2023. Pemansuhan subsidi dan kawalan ayam pada November 2023 menunjukkan bahawa Kerajaan fleksibel dalam menyusun semula perbelanjaan di samping menggalakkan penentuan harga berasaskan pasaran dan kecekapan pengeluaran seterusnya mendorong kepada bekalan ayam yang lebih stabil.

3. Pelarasan Tarif Air

Pengurusan perkhidmatan bekalan air dan penetapan tarif air di Semenanjung Malaysia serta Wilayah Persekutuan Labuan dikendalikan oleh pengurusan air negeri yang dilesenkan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 [Akta 655]. Tarif air tidak berubah sejak beberapa dekad dengan negeri seperti Pahang, Terengganu dan Perlis mengekalkan tarif air sejak lebih 25 tahun yang lepas. Perkara ini secara tidak langsung telah menjejaskan hasil pihak pengendali perkhidmatan dan pengurusan air negeri. Kekurangan hasil ini telah menyebabkan kekangan kepada pihak pengurusan air negeri dalam menyediakan perbelanjaan operasi dan modal bagi perkhidmatan bekalan air yang secara tidak langsung telah menjejaskan tahap perkhidmatan, kesinambungan bekalan serta kualiti air yang dibekalkan. Selain itu, kekangan perbelanjaan modal telah menyebabkan peningkatan kadar air tidak terhasil (NRW)¹ antara 25% hingga 64.5%, rizab air yang rendah serta kekerapan gangguan bekalan air.

Pada awal 2024, persetujuan telah dicapai antara semua kerajaan negeri terlibat supaya tarif air disemak semula. Majlis Air Negara telah memainkan peranan penting dalam menyelaraskan usaha antara kerajaan negeri bagi mencapai persetujuan bersama ini. Secara purata, pelarasan tarif air adalah sekitar 30% dengan negeri Pahang (77%), Pulau Pinang (75%) dan Perlis (50%) mencatat peningkatan tertinggi. Pelarasan tersebut penting bagi menampung perbelanjaan, merancang projek dan memulihkan kedudukan kewangan syarikat pengendali perkhidmatan air negeri seterusnya membantu meningkatkan tahap perkhidmatan dan kualiti bekalan air.

Beberapa syarikat pengendali perkhidmatan air negeri telah menyediakan bantuan khas dalam bentuk diskaun, rebat dan faedah lain sebagai sebahagian usaha bagi mengurangkan bebanan kenaikan tarif air. Bantuan tersebut termasuk penyediaan penggunaan air percuma sehingga 20 meter padu atau diskaun bil kepada pengguna yang layak terutamanya golongan rentan. Persetujuan bersama kerajaan negeri tersebut menandakan titik peralihan kepada model operasi yang lebih mampan dengan perkhidmatan air sewajarnya dibiayai melalui tarif.

4. Subsidi Diesel

Usaha penyasaran semula subsidi diteruskan pada Jun 2024 dengan menggantikan subsidi diesel pukal di Semenanjung Malaysia kepada pengapungan harga di pam. Keputusan untuk melaksanakan subsidi diesel bersasar adalah tepat pada masanya setelah mengambil kira persekitaran inflasi yang terkawal. Subsidi pukal sebelum ini telah menyebabkan ketidakcekapan, herotan pasaran dan pembaziran ketara akibat aktiviti penyeludupan memandangkan harga diesel di Malaysia pada ketika itu jauh lebih rendah berbanding negara jiran. Penyasaran subsidi ini dijangka akan memberikan penjimatan sekitar RM4 bilion kepada Kerajaan.

¹ NRW merujuk kepada bekalan air terawat yang tidak sampai kepada pengguna.

RAJAH 4. Program Budi MADANI

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kerajaan telah memperkenalkan program Budi MADANI sebagai platform untuk subsidi diesel bersasar seperti dalam Rajah 4 bagi mengurangkan impak kenaikan harga runcit diesel di pam. Sebagai sebahagian daripada strategi untuk mengoptimumkan pengagihan subsidi, program ini menawarkan bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan atau RM2,400 setahun kepada pemilik kenderaan diesel individu (Budi Individu) serta petani dan pekebun kecil komoditi (Budi Agri-Komoditi) yang layak bagi mengimbangi sebahagian penyasaran subsidi diesel. Selain itu, Kerajaan memperkenalkan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (Budi MySubsidi Diesel – SKDS 2.0) dengan pemberian kad flit kepada kenderaan pengangkutan barangan darat terpilih untuk terus menikmati diesel bersubsidi. Kaedah ini bagi memastikan penyedia perkhidmatan dapat menguruskan kos operasi seterusnya menstabilkan harga. Sehingga 3 Oktober 2024, seramai 170,000 individu diluluskan di bawah program Budi MADANI manakala hampir 105,000 syarikat telah menerima manfaat daripada SKDS 2.0.

Pelaksanaan subsidi diesel bersasar terbukti berkesan dalam mengurangkan ketirisan subsidi diesel pukal. Data awal menunjukkan penurunan ketara dari segi purata jualan harian diesel di Semenanjung Malaysia kepada sekitar 30% dengan penurunan ketara sebanyak 40% dicatatkan di kawasan utara sempadan Semenanjung Malaysia pada minggu pertama pelaksanaan. Keadaan ini membuktikan bahawa program penyasaran diesel ini merupakan usaha yang efektif dalam mengekang aktiviti penyeludupan.

5. Bantuan Tunai Langsung

Dalam usaha menyokong kumpulan rentan serta menangani ketidaksamaan sosioekonomi, Kerajaan menyediakan bantuan kewangan secara langsung kepada individu dan isi rumah seperti bantuan kebajikan untuk warga emas, kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah, orang kurang upaya, pesawah, nelayan dan komuniti Orang Asli. Kerajaan turut menyediakan bantuan tunai khas kepada isi rumah berpendapatan rendah iaitu STR yang bertujuan mengimbangi peningkatan kos sara hidup dan memudah cara peralihan daripada subsidi pukal kepada subsidi bersasar.

Peralihan kepada bantuan tunai bersasar selari dengan kajian oleh Bank Dunia yang menunjukkan keberkesanan kos bantuan tunai sosial adalah empat kali ganda berbanding pemberian subsidi dalam mengurangkan ketidaksaan. Mulai 2023, STR (sebelum ini dikenali sebagai Bantuan Keluarga Malaysia) telah ditambah baik dengan penambahan kategori baharu iaitu isi rumah yang mempunyai lima anak dan ke atas serta peningkatan kadar bantuan kepada isi rumah terpilih. Kerajaan juga memperkenalkan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) kepada penerima STR kategori miskin tegar dengan bantuan RM100 sebulan selama enam bulan untuk pembelian barangan makanan asas terpilih menggunakan MyKad. Implikasi kewangan bagi program tersebut direkodkan sebanyak RM8 bilion.

Peruntukan STR dan SARA pada 2024 ditingkatkan kepada RM10 bilion dan memanfaatkan hampir sembilan juta isi rumah termasuk warga emas tiada pasangan serta individu bujang. Secara purata, bantuan maksimum bagi isi rumah dinaikkan daripada RM3,100 kepada RM3,700 setahun manakala kadar minimum bagi individu bujang juga telah ditingkatkan daripada RM350 kepada RM500. Bantuan tunai ini disalurkan secara berfasa mengikut jadual yang ditetapkan. Program SARA juga telah ditambah baik dengan memanjangkan tempoh bantuan daripada enam bulan (RM600) kepada 12 bulan (sehingga RM1,200) dengan peluasan kepada penerima STR kategori miskin yang melibatkan tambahan penerima daripada 200,000 kepada 700,000. Kategori pembelian barang yang dibenarkan juga telah diperluas merangkumi produk kebersihan diri, ubatan dan barangan persekolahan di samping memperkenalkan mekanisme pembayaran tanpa tunai di kedai yang terlibat.

6. Subsidi Pertanian

Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan bagi menyokong pendapatan petani dan menggalakkan pengeluaran pertanian. Sebagai contoh, Kerajaan telah menaikkan IPG kepada pekebun kecil getah daripada RM2.50/kg pada 2022 kepada RM2.70/kg pada 2023 seterusnya ditingkatkan lagi kepada RM3.00/kg pada 2024. Semakan ini bertujuan menggalakkan peningkatan pengeluaran, menstabilkan pendapatan pekebun kecil getah dan memastikan kemampanan industri. Kerajaan juga meneruskan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) sebanyak RM800 pada 2024 kepada setiap pekebun kecil getah yang memanfaatkan lebih 300,000 pekebun kecil bagi menampung pendapatan semasa musim produktiviti rendah.

Selain bantuan tunai, pesawah dan nelayan turut dibantu melalui skim penstabilan harga serta subsidi diesel yang bertujuan untuk menggalakkan peningkatan produktiviti. Kadar Skim Subsidi Harga Padi telah ditingkatkan kepada RM500/tan metrik pada 2024 berbanding RM360 pada 2023 dan kenaikan harga lantai daripada RM1,200 kepada RM1,300/tan metrik. Selain itu, kategori nelayan terpilih akan terus menikmati diesel bersubsidi pada harga RM1.65 seliter dan Insentif Pendaratan Ikan sehingga RM1,000 setiap bulan.

7. Program Bantuan Pendidikan

Kerajaan kekal komited dalam menyediakan perbelanjaan kepada sektor pendidikan selari dengan hasrat meningkatkan keupayaan modal insan dengan purata 21% daripada peruntukan tahunan Kerajaan dalam tempoh 2018 hingga 2024. Sebahagian daripada perbelanjaan ini diperuntukkan untuk pelbagai mekanisme bantuan termasuk biasiswa, pinjaman pendidikan

serta bantuan tunai mencerminkan pendekatan menyeluruh terhadap sektor pendidikan. Pendekatan ini bertujuan mengurangkan kekangan kewangan dan memastikan peluang yang adil dan saksama kepada semua pelajar.

Sebanyak RM788 juta telah diperuntukkan bagi program BAP pada 2024 dengan nilai bantuan ditingkatkan daripada RM100 kepada RM150 bagi setiap pelajar untuk membantu ibu bapa membiayai perbelanjaan sekolah. Kerajaan turut menyediakan peruntukan yang lebih tinggi sebanyak RM784 juta untuk menambah baik program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dengan meluaskan pilihan menu sihat serta meningkatkan kekerapan agihan susu. Selain itu, Kerajaan mengumumkan pemberian baucar buku bernilai RM100 pada Mei 2024 kepada pelajar Tahun 4 sekolah rendah hingga penuntut institusi pendidikan tinggi bagi menggalakkan budaya membaca dalam kalangan pelajar.


Kerajaan turut menyediakan pelbagai tajaan biasiswa di bawah agensi dan kementerian seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) serta Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk membantu penuntut meneruskan pengajian pada peringkat pendidikan tinggi yang memanfaatkan hampir 150,000 pelajar pada 2024. Pada masa yang sama, hampir 200,000 pelajar sekolah menengah turut menerima Biasiswa Kecil Persekutuan dengan setiap pelajar menerima bantuan antara RM840 hingga RM1,210 setahun.

Program bantuan pendidikan yang komprehensif ini mencerminkan penyediaan peluang yang saksama kepada semua lapisan masyarakat untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti serta makanan yang berkhasiat. Program ini juga dapat menangani isu kekurangan zat makanan dan bantut dalam kalangan kanak-kanak.

Impak Penyasaran Semula dan Pengukuhan Subsidi kepada Inflasi

Peralihan daripada subsidi pukal kepada subsidi bersasar secara berfasa dengan memberi tumpuan kepada golongan yang memerlukan telah membantu mengurangkan tekanan inflasi kepada ekonomi. Rajah 5 menunjukkan kadar inflasi Malaysia dan program subsidi dari 2022 hingga 2024. Impak negatif susulan konflik Rusia-Ukraine terhadap ekonomi serta kenaikan harga makanan dan komoditi telah menyumbang kepada peningkatan kadar inflasi iaitu 4.7% pada Ogos 2022. Bagi menangani keadaan ini, Kerajaan telah meningkatkan subsidi ayam dan telur sebagai langkah mengurangkan kesan inflasi. Walaupun pelaksanaan ICPT secara berfasa dan penarikan subsidi dan kawalan harga ayam dilaksanakan pada 2023, kadar inflasi kekal sederhana seiring dengan kestabilan harga dunia. Kadar inflasi pada 2023 yang mencatat 2.5% adalah lebih rendah berbanding kadar inflasi global sebanyak 6.8%. Penyasaran subsidi diesel yang diperkenalkan pada Jun 2024 mempunyai kesan yang terkawal secara relatif terhadap inflasi dengan sebahagian besar disebabkan oleh subsidi untuk sektor perniagaan terpilih, bantuan tunai bersasar dan langkah yang lebih tegas dalam membendung pencatutan. Walau bagaimanapun, kesan penyasaran semula subsidi dijangka akan memberi kesan yang terhad kepada inflasi sehingga akhir tahun ini. Oleh yang demikian, inflasi keseluruhan dijangka kekal dalam unjuran rasmi iaitu antara 1.5% hingga 2.5%.

Pelaksanaan program bantuan tunai bersasar serta bantuan sosial yang lain seperti SARA, STR dan Budi MADANI telah mengurangkan impak penyasaran semula subsidi. Pertumbuhan stabil dalam penggunaan swasta yang dicatatkan dalam suku kedua 2024 menunjukkan perbelanjaan isi rumah kekal kukuh walaupun program penyasaran semula subsidi dilaksanakan.

RAJAH 5. Kadar Inflasi dan Pengukuhan Mekanisme Subsidi, 2022 – 2024

Sumber : Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Melangkah ke Hadapan

Kerajaan akan terus meneliti dan menentukan perubahan dasar yang bersesuaian bagi penyasaran semula subsidi sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkukuh ekonomi dan memastikan kemampanan pengurusan fiskal. Walau bagaimanapun, penyasaran semula subsidi akan dilaksanakan secara berstruktur dan berfasa bagi mengurangkan kesan negatif yang mungkin berlaku ke atas sektor perniagaan dan rakyat. Walaupun langkah ini penting bagi melindungi golongan rentan melalui penyaluran semula sebahagian daripada penjimatan kepada program bantuan bersasar, Kerajaan juga perlu mengimbangi antara kemampanan fiskal jangka masa panjang dengan pengagihan sumber secara lebih efektif.

RAJAH 6. Keperluan Peralihan kepada Program Bantuan Sosial Bersasar

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Bagi memastikan kecekapan mekanisme penyasaran semula subsidi, Kerajaan mengutamakan penggunaan inisiatif data raya untuk meminimumkan ralat pemasukan dan penyisihan serta melindungi kesejahteraan rakyat. Pembangunan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) penting dalam menghasilkan pangkalan data berpusat dan tepat yang menghubungkan program penyasaran subsidi dengan kumpulan sasar. Di samping itu, data yang dikumpulkan melalui sistem PADU boleh dimanfaatkan dalam mengenal pasti tahap pembangunan sosioekonomi negara dan membantu membangunkan senario dalam perancangan program Kerajaan. Langkah ini dapat menambah baik pelaksanaan dasar dan meningkatkan kebajikan sosial golongan rentan serta rakyat secara keseluruhannya.

Kerajaan juga sedang menilai semula keberkesanan program subsidi sedia ada memandangkan kaedah ini sering dikaitkan dengan ketidakcekapan, ketirisan dan herotan pasaran. Di samping itu, kecekapan dan keberkesanan program subsidi seperti subsidi diesel kepada nelayan perlu ditambah baik supaya selari dengan produktiviti dan mengekang penyalahgunaan diesel bersubsidi. Selain itu, kaedah pemberian subsidi sedia ada secara pukal telah menambah beban fiskal serta memberikan kesan kepada kemampuan Kerajaan untuk menyediakan peruntukan bagi projek pembangunan atau infrastruktur yang lebih utama yang dapat memacu pertumbuhan jangka masa panjang.

Dari perspektif makro, Kerajaan perlu terus melaksanakan pembaharuan struktur bagi mengukuhkan tahap produktiviti dan pendapatan rakyat supaya polisi intervensi subsidi dapat dikurangkan. Pembaharuan ini melibatkan pelaburan terhadap modal insan dan pembangunan kapasiti melalui penambahbaikan dalam pembangunan pendidikan dan tenaga kerja bagi melahirkan lebih ramai bakat mahir dan berdaya tahan. Oleh yang demikian, Kerajaan telah mempergiat inisiatif peningkatan kemahiran melalui TVET dan keusahawanan bagi membolehkan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah memperoleh pendapatan wajar seterusnya berupaya meningkatkan kuasa beli. Kerajaan juga sentiasa meneliti semula penetapan kadar gaji minimum untuk menggalakkan kadar upah yang sepadan bagi menyokong usaha membasmi kemiskinan dan pematuhan kepada amalan perburuhan tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan guna tenaga.

Dari perspektif fiskal pula, pengukuhan asas hasil dan pelaksanaan sistem percukaian yang lebih progresif, meluas serta cekap akan membolehkan Kerajaan membiayai program dan projek awam yang bermanfaat untuk rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah melalui pengagihan semula hasil yang disumbangkan oleh golongan yang berpendapatan tinggi ke program bersesuaian. Strategi ini termasuk memperluas asas hasil, menyemak semula ketirisan insentif percukaian, menangani insiden pelarian dan pengelakan cukai melalui pendigitalan seperti e-Invois dan memudah cara proses pemfailan cukai. Dalam mewujudkan ruang dan keanjalan fiskal, perbelanjaan yang lebih efisien penting bagi membolehkan sumber disalurkan semula kepada program dan projek yang mempunyai impak yang lebih tinggi.

Kesimpulan

Cabaran daripada perubahan demografi dan ketidaktentuan ekonomi global memerlukan penelitian yang rapi semasa Kerajaan merancang dasar fiskal. Justeru, Kerajaan komited dalam mengharmonikan tanggungjawab fiskal dengan kesejahteraan sosial melalui usaha yang seimbang dalam mengekalkan kemampuan kedudukan fiskal di samping memastikan keberkesanan program subsidi, insentif dan bantuan. Dalam hal ini, semakin semula subsidi pukal sedia ada akan diteruskan untuk memanfaatkan golongan yang memerlukan terutamanya isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana di samping menangani ketirisan kepada golongan kaya, bukan warganegara dan perniagaan. Selain itu, Kerajaan bermatlamat untuk menggalakkan pembangunan inklusif, meningkatkan daya saing, menambah baik pengurusan sumber dan memastikan pembangunan mampan untuk rakyat melalui dasar fiskal yang fleksibel dan responsif dalam landskap global dinamik.

Rujukan

- Bank Dunia. (2022). *World Bank Open Data Tax Revenue (% of GDP)*. <https://data.worldbank.org/indicator/GC.TAX.TOTL.GD.ZS?end=2023&start=1972&view=chart>
- Kementerian Kewangan. (2024, Mei). *Soalan Lazim (FAQ): Budi INDIVIDU – Pemilik Kenderaan Diesel Persendirian*. <https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/soalan-lazim/budi-individu-pemilik-kenderaan-diesel-persendirian>
- Kementerian Kewangan. (2024, Mei). *Soalan Lazim (FAQ): BUDI AGRI-KOMODITI – Petani Kecil dan Pekebun Kecil*. <https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/soalan-lazim/budi-agri-komoditi-petani-kecil-dan-pekebun-kecil>
- Kementerian Kewangan. (2024, Ogos). *Soalan Lazim (FAQ) Mysubsidi Diesel – Syarikat Pengangkutan Awam Darat dan Pengangkutan Barangan Darat*. https://budimadani.gov.my/Download/Faq/FAQ_BayaranBalik.pdf
- Kementerian Kewangan. (2023, Oktober). *Ucapan Belanjawan 2024*. <https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2024/ucapan/ub24.pdf>
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. (2022, Disember). *Statistik Utama KPDN Suku Tahun Keempat 2022 Dikemaskini sehingga 31 Disember 2022*. https://www.kpdn.gov.my/images/2023/images/statistik-utama-kpdn-tahun-2022-st4_compressed.pdf
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. (2023, Disember). *Statistik Utama KPDN ST4 – 2023 (Dikemaskini sehingga 31 Disember 2023)*. <https://www.kpdn.gov.my/images/2024/penerbitan/statistik-utama-kpdnhep-st4-tahun-2023.pdf>

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. (2022, Januari). *Soalan Lazim (FAQ) Sumbangan Tunai Rahmah (STR) 2024*. [https://bantuan tunai.hasil.gov.my/Download/Faq/SOALAN_LAZIM_\(FAQ\)_SUMBANGAN_TUNAI_RAHMAH_STR_2024.pdf](https://bantuan tunai.hasil.gov.my/Download/Faq/SOALAN_LAZIM_(FAQ)_SUMBANGAN_TUNAI_RAHMAH_STR_2024.pdf)

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. (2022, Disember). *Soalan Lazim Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) 2022*. [https://bkm.hasil.gov.my/Download/Faq/FAQ_BantuanKeluargaMalaysia_\(BKM\).pdf](https://bkm.hasil.gov.my/Download/Faq/FAQ_BantuanKeluargaMalaysia_(BKM).pdf)

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. (2024, Ogos). *Soalan Lazim (FAQ) Sumbangan Asas Rahmah (SARA)*. [https://bantuan tunai.hasil.gov.my/Download/Faq/SOALAN_LAZIM_\(FAQ\)_SARA2024_Final19012024_BM.pdf](https://bantuan tunai.hasil.gov.my/Download/Faq/SOALAN_LAZIM_(FAQ)_SARA2024_Final19012024_BM.pdf)

Parlimen Malaysia. (2024, Jun). *Hansard Dewan Rakyat Parlimen Kelima Belas, Penggal Ketiga Mesyuarat Kedua, Bil.20. 24 Jun 2024*. <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-24062024.pdf>

Sanghi, A., Teh Sharifuddin, S. B., Bandaogo, M. A. S. S., Chong, Y. K., Arulthevan, Y. N., Jing Wen, F. L., Reddy, R., Didier Brandao, T., Kuriakose, S., Ting, K. O. (2023). *Malaysia Economic Monitor: Expanding Malaysia's Digital Frontier (February 2023) (English)*. World Bank Group. <http://documents.worldbank.org/curated/en/099063502042320186/P179681008aa910db0bca9057d2dfa76bed>

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. (2024, Januari). *FAQ Umum bagi Pelarasan Tarif di bawah TSM*. <https://www.span.gov.my/document/upload/OthyU0u0pwQ2aRtHZlgNAXjKVqH505jB.pdf>

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. (2023). *Water and Sewerage Page Book | 2023 Peninsular Malaysia F.T. Labuan*. <https://www.span.gov.my//document/upload/jIwjECim0iMS30nzUjQq9iFZqNg0FpPf.pdf>

Suruhanjaya Tenaga. (2022, Disember). *Pelarasan Tarif Elektrik di Semenanjung bagi Tempoh 1 Januari 2023 hingga 30 Jun 2023*. <https://www.st.gov.my/contents/2022/Kenyataan%20Media%20-%20Pelarasan%20Tarif%20Elektrik%20di%20Semenanjung%20bagi%20Tempoh%201%20Januari%202023%20hingga%2030%20Jun%202023.pdf>







Suruhanjaya Tenaga. (2024, Julai). *Soalan Lazim (FAQ) Tuntutan bagi Tampungan Kos Imbalance Cost Passthrough (ICPT) di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan oleh Pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP)*. <https://www.st.gov.my/contents/Faqtuntutan icpt.pdf>

Teh Sharifuddin, S. B., Chong, Y. K., Sanghi, A., Bandaogo, M. A. S. S., Purnamasari, R. S., Wai-Poi, M. G., Rodriguez Takeuchi, L. K., Dornan, M. S., Binti Jasmin, A. F., Wan, Y. S. (2023). *Malaysia Economic Monitor: Raising the Tide, Lifting All Boats (October 2023) (English)*. World Bank Group. <http://documents.worldbank.org/curated/en/099100623063032359/P5008500d5060903a093a202e1acb060174>

Tenaga Nasional Berhad. (2024). *ICPT – BM Butiran-butiran Penting*. <https://www.tnb.com.my/faq/icpt-bm>

Tenaga Nasional Berhad. (2023, Julai). *Implementation of Imbalance Cost Pass-Through (ICPT) Rates for the Period of 1 July 2023 to 31 December 2023*. <https://www.mytnb.com.my/announcements/entry/implementation-of-imbalance-cost-pass-through-icpt-rates-july-december>

Tenaga Nasional Berhad. (2023, Disember). *Retargeting of Electricity Subsidies for The Period 1 January to 30 June 2024*. <https://www.mytnb.com.my/announcements/entry/enhancement-of-the-green-electricity-tariff-and-new-premium-subscription-rate>.

RAJAH 3.1. Jumlah Perbelanjaan mengikut Sektor**RAJAH 3.2.** Jumlah Perbelanjaan mengikut Kementerian dan Agensi**RAJAH 3.3.** Perbelanjaan Mengurus mengikut Sektor**RAJAH 3.4.** Perbelanjaan Mengurus mengikut Komponen**RAJAH 3.5.** Perbelanjaan Pembangunan mengikut Sektor**RAJAH 3.6.** Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan mengikut Penghutang³¹ Anggaran disemak² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2025³ Jumlah terkumpul sehingga akhir 2023

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

SEKSYEN 4

Pengurusan Hutang

67	PERSPEKTIF KESELURUHAN	
68	PEMBIAYAAN	
70	HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN	
73	HUTANG LUAR MALAYSIA	
74	HUTANG SEKTOR AWAM	
75	TINJAUAN 2025	
75	KESIMPULAN	

SEKSYEN 4

Pengurusan Hutang

Perspektif Keseluruhan

Paras hutang global telah berkurang secara beransur-ansur kepada 93.2% daripada KDNK dunia pada 2023 selepas mencecah paras tertinggi menghampiri 100% pada 2020. Walau bagaimanapun, kebanyakan negara masih berhadapan dengan cabaran untuk mengurangkan paras hutang tinggi yang berlarutan pascapandemik. Pihak IMF mengunjurkan nisbah hutang global kekal tinggi dalam jangka masa sederhana dengan andaian dasar semasa negara tidak berubah, pertumbuhan ekonomi menyederhana dan pengurangan kadar dasar yang lebih perlahan. Keadaan ini akan meningkatkan pendedahan risiko hutang negara yang menggesa penggubal dasar untuk lebih berwaspada dengan persekitaran geopolitik dan kewangan global.

Pada peringkat domestik, pembiayaan sokongan fiskal menerusi hutang yang ketara semasa pandemik perlu dikurangkan secara beransur-ansur bagi memastikan kemampanan fiskal tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Selain itu, terdapat keperluan segera untuk membina semula ruang fiskal di samping menyediakan sumber yang mencukupi agar negara kekal berdaya saing dan relevan dalam landskap ekonomi global serta melindungi kesejahteraan rakyat. Inisiatif tersebut berpaksikan kepada kerangka Ekonomi MADANI yang melakar haluan trajektori ekonomi negara dengan lebih jelas. Sehubungan itu, Kerajaan perlu mengimbangi antara tanggungjawab fiskal dengan kestabilan makroekonomi di samping memastikan kesaksamaan antara generasi dalam mendepani cabaran tersebut.

Sehubungan itu, dasar fiskal kekal menyokong pertumbuhan ekonomi di samping meneruskan konsolidasi fiskal secara berperingkat bagi mengurangkan beban hutang tidak melebihi 60% daripada KDNK dalam jangka masa sederhana seperti ditetapkan dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850]. Akta 850 memberikan mandat kepada Kerajaan untuk menggubal dasar hutang yang berkesan secara bertanggungjawab dan berhemat bagi memastikan kemampuan berhutang dan kemampanan hutang. Dalam hal ini, Jawatankuasa Risiko Fiskal, Hutang dan Liabiliti (JRFL) telah ditubuhkan pada Mac 2024 melalui peruntukan di bawah Akta 850 untuk menilai pendedahan risiko fiskal, hutang dan liabiliti lain kepada Kerajaan.

Pengurusan fiskal yang lebih kukuh telah mengembalikan semula minat pelabur dan menyumbang kepada sentimen pasaran yang lebih baik seperti yang ditunjukkan oleh prestasi ringgit dan pasaran ekuiti kebelakangan ini. Keadaan ini telah menyumbang kepada kestabilan kadar hasil pasaran dan membantu Kerajaan mencapai objektif pengurusan hutang dalam memenuhi keperluan pembiayaan pada kos paling rendah dengan tahap risiko yang munasabah. Strategi pinjaman akan terus mengutamakan terbitan domestik untuk meminimumkan risiko tukaran asing dan terbitan sekuriti jangka panjang yang lebih besar bagi mengurangkan risiko pembiayaan semula. Selain itu, Kerajaan terus meningkatkan ketelusan untuk memaparkan kredibiliti dan mengukuhkan keyakinan pelabur serta mematuhi peraturan hutang yang ditetapkan.

Pembiayaan

Program pinjaman Kerajaan Persekutuan memainkan peranan penting dalam menyokong dasar fiskal terutamanya untuk membiayai defisit dan membiayai semula hutang matang. Jumlah keseluruhan pinjaman kasar pada 2024 dianggar berkurang kepada RM206 bilion atau 10.6% daripada KDNK (2023: RM226.6 bilion; 12.4%) yang diperoleh sepenuhnya menerusi pasaran domestik. Daripada jumlah ini, sebanyak RM84.3 bilion diperuntukkan bagi pembiayaan defisit dan RM121.3 bilion untuk bayaran balik hutang yang akan matang. Bayaran balik hutang yang akan matang merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) sebanyak RM43.5 bilion, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) RM44 bilion, Bil Perbendaharaan RM28 bilion, Sukuk Perumahan Kerajaan (SPK) RM5.5 bilion dan pinjaman luar pesisir RM0.3 bilion.

Pasaran domestik yang kukuh dan berkecairan tinggi membolehkan Kerajaan memperoleh keseluruhan pinjaman dan mengurus keperluan aliran tunai menerusi terbitan dalam denominasi ringgit. Jumlah terbitan MGS dianggarkan sebanyak RM90.5 bilion atau 43.9% daripada jumlah pinjaman kasar manakala MGII sebanyak RM92.5 bilion atau 44.9%. Sementara itu, terbitan Bil Perbendaharaan dijangka berkurang hampir separuh berbanding 2023 iaitu RM23 bilion atau 11.2% daripada jumlah pinjaman kasar.

Sehingga akhir Ogos 2024, sebanyak RM148 bilion atau 71.2% daripada jumlah pinjaman kasar diterbitkan melalui 26 terbitan MGS dan MGII berjumlah RM129 bilion serta 12 terbitan Bil Perbendaharaan sebanyak RM19 bilion. Terimaan pinjaman telah digunakan bagi bayaran balik hutang yang matang berjumlah RM82.1 bilion manakala baki RM65.9 bilion untuk membiayai defisit dan sebahagian hutang yang akan matang dalam tempoh terdekat.

JADUAL 4.1. *Pembiayaan Kerajaan Persekutuan, 2023 – 2024*

	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2023	2024 ²	2023	2024 ²
Pinjaman kasar	226,595	206,000	100.0	100.0
Dalam negeri	226,595	206,000	100.0	100.0
MGS	90,000	90,500	39.7	43.9
MGII	95,000	92,500	41.9	44.9
Bil Perbendaharaan	41,595	23,000	18.4	11.2
Luar pesisir	-	-	-	-
Pinjaman pasaran	-	-	-	-
Pinjaman projek	-	-	-	-
Bayaran balik	134,037	121,320	100.0	100.0
Dalam negeri	133,789	121,020	99.8	99.8
Luar pesisir	248	300	0.2	0.2
Pinjaman bersih	92,558	84,680	-	-
Dalam negeri	92,806	84,980	-	-
Luar pesisir	-248	-300	-	-
Perubahan aset¹	-1,166	-384	-	-
Jumlah pembiayaan defisit	91,392	84,296	-	-

¹ (+) menunjukkan pengurangan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

² Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Operasi pinjaman dilaksanakan melalui Fully Automated System for Issuing/Tendering (FAST)¹. Pada 2024, 85.4% daripada pinjaman dijangka diperoleh melalui lelongan awam mengambil kira kapasiti pasaran domestik yang mencukupi, manakala baki menerusi tawaran persendirian terutamanya melibatkan terbitan jangka panjang. Di samping itu, Kerajaan telah melaksanakan pembelian semula dan penukaran kertas hutang (*switch auction*) sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan hutang secara aktif dalam mengurus profil kematangan. Selain itu, sebanyak 33 daripada 37 terbitan bertempoh sederhana dan panjang akan dibuka semula melalui 14 kod stok kertas hutang sedia ada.

¹ Platform dalam talian untuk memudahkan terbitan utama bagi semua instrumen hutang dan pasaran wang yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Langkah ini selaras dengan strategi mengurangkan bilangan kertas hutang terkumpul serta meningkatkan kecairan terbitan penanda aras.

Bagi mengawal risiko pembiayaan semula, terbitan kertas hutang jangka pendek (kurang dari setahun) dijangka berkurang kepada 11.2% daripada jumlah pinjaman kasar pada 2024 berbanding 18.4% pada 2023. Sementara itu, komposisi instrumen jangka sederhana (3- hingga 7-tahun) dianggarkan meningkat kepada 37.9% dan jangka panjang (10-tahun ke atas) kepada 50.9% (2023: 37.3%; 44.3%) terutamanya disebabkan oleh spread kadar pinjaman antara tempoh matang yang semakin mengecil. Justeru, tempoh matang purata berwajaran bagi terbitan keseluruhan 2024 diunjurkan pada 11.4 tahun (2023: 10.3 tahun) sejajar dengan strategi pengurusan hutang untuk mengimbangi kos pembiayaan dan membangunkan profil kematangan yang terurus.

Berdasarkan laporan Bank Dunia, persekitaran kewangan global secara amnya bertambah baik sejak 2023 digambarkan melalui pengurangan premium ke atas risiko meskipun kadar faedah global kekal tinggi. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2024, Rizab Persekutuan AS (Fed) mengekalkan Federal Funds Rate (FFR) pada paras tertinggi dalam dua dekad iaitu antara 5.25% hingga 5.50% bagi mengekang peningkatan inflasi. Jangkaan pasaran terhadap pengurangan kadar sehingga akhir 2024 telah mempengaruhi trajektori penurunan kadar hasil bon tempatan apabila pelabur asing menyesuaikan pemilihan pasaran dan portfolio. Sehubungan itu, pelaburan oleh bukan pemastautin dalam instrumen Kerajaan Persekutuan bagi lapan bulan pertama mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM16.3 bilion yang mencerminkan sentimen pelabur dan prospek ekonomi yang positif. Momentum ini dijangka berterusan memandangkan Fed telah menurunkan

FFR sebanyak 50 mata asas (bps) kepada lingkungan 4.75% hingga 5.00% pada September 2024.

Jawatankuasa Dasar Monetari mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.00% sejak kenaikan terakhir pada Mei 2023 seiring dengan penilaian inflasi dan prospek pertumbuhan domestik. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2024, kadar hasil penanda aras MGS untuk tempoh matang 3- hingga 7-tahun telah berkurang antara 1 hingga 14 bps manakala kadar hasil 10-tahun meningkat sebanyak 2 bps. Kadar hasil penanda aras bagi MGII dengan tempoh matang 3- hingga 7-tahun juga berkurang antara 7 hingga 17 bps manakala kadar hasil 10-tahun meningkat sebanyak 1 mata asas. Oleh itu, kos pinjaman purata berwajaran Kerajaan untuk lapan bulan pertama berkurang kepada 3.896% berbanding 4.047% bagi tempoh sama pada 2023. Pengurangan ini disokong oleh persekitaran kadar faedah rendah dan spread yang semakin mengecil merentasi tempoh matang mencerminkan keluk kadar hasil yang mendatar secara relatif.

Kerajaan menerima bidaan menerusi lelongan awam berjumlah RM269.6 bilion bagi tempoh Januari hingga Ogos 2024 untuk terbitan jangka sederhana dan panjang yang lebih tinggi berbanding nilai tawaran sebanyak RM107 bilion. Bidaan ini menyumbang terhadap purata nisbah bidaan kepada terbitan (BTC) yang menggalakkan iaitu 2.52 kali (2023: 2.16 kali) didorong oleh permintaan kukuh daripada pelabur dalam pasaran domestik yang berkecairan tinggi. Selain itu, terbitan jangka panjang mencatat nisbah BTC lebih tinggi iaitu 2.62 kali berbanding 2.42 kali bagi kertas hutang jangka sederhana. Secara keseluruhan, permintaan yang teguh ini disokong oleh penyertaan pelabur institusi yang besar serta aliran masuk berterusan pelabur asing.

Malaysia terus menerajui pembangunan pasaran kewangan Islam dengan bahagian sebanyak 33.2% daripada jumlah sukuk global terkumpul sehingga Julai 2024. Kerajaan kekal aktif dalam menyokong penerbitan instrumen patuh Syariah yang memaparkan komitmen Malaysia terhadap pembangunan kewangan Islam. Komitmen ini ditunjukkan melalui terbitan domestik patuh Syariah pada 2024 yang dianggarkan mencapai 53.6% daripada jumlah pinjaman kasar. Selain itu, permintaan kukuh terhadap MGII menunjukkan nisbah BTC yang jauh lebih tinggi sebanyak 2.93 kali berbanding 2.14 kali bagi MGS. Nisbah bidaan yang lebih tinggi ini menunjukkan penerimaan yang menggalakkan terhadap instrumen tersebut disokong oleh ekosistem kewangan Islam yang kondusif. Sementara itu, penyenaraian MGII dalam indeks global seperti Bloomberg Global Aggregate Index, J.P. Morgan Government Bond Index – Emerging Markets (GBI-EM) dan Markit iBoxx Asian Local Bond Index (ALBI) telah menyerlahkan kewujudan dan memudahkan pengesanan terbitan MGII dalam kalangan kumpulan pelabur yang lebih luas.

Hutang Kerajaan Persekutuan

Kerajaan Persekutuan meneruskan komitmen bagi mencapai paras hutang berhemat selaras dengan objektif fiskal di bawah Akta 850. Akta yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2024 menetapkan nisbah keseluruhan hutang kepada KDNK yang meliputi pinjaman dalam negeri dan luar pesisir tidak melebihi 60% dalam tempoh jangka masa sederhana. Selain itu, penguatkuasaan Akta 850 tidak melangkaui atau membatalkan perundangan berkaitan hutang sedia ada. Pada masa yang sama, had statutori hutang mengikut instrumen di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637], Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] dan Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403] kekal berkuat kuasa.

Keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM1,227.5 bilion atau 63.1% daripada KDNK pada akhir Jun 2024. Jumlah hutang terkumpul bagi setiap instrumen adalah

JADUAL 4.2. *Perundangan Hutang*

AKTA	HAD STATUTORI	AKHIR JUN 2024
Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637]¹ Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275]²	Jumlah MGS, MGII dan MITB tidak melebihi 65% daripada KDNK	61.2% daripada KDNK
Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]	Pinjaman luar pesisir tidak melebihi RM35 bilion	RM29.3 bilion
Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188]	MTB tidak melebihi RM10 bilion	RM6 bilion
Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850]	Keseluruhan hutang tidak melebihi 60% daripada KDNK dalam tempoh jangka masa sederhana ³	63.1% daripada KDNK

¹ MGS diterbitkan di bawah Akta 637

² MGII dan MITB diterbitkan di bawah Akta 275

³ Jangka masa sederhana merujuk kepada tempoh antara tiga hingga lima tahun daripada tarikh kuat kuasa Akta 850

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 4.3. *Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Instrumen, 2023 – 2024*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2023	2024 ¹	2023	2024 ¹	2023	2024 ¹
Hutang dalam negeri	1,142,658	1,198,158	97.5	97.6	62.7	61.6
MGS	589,858	613,358	50.3	50.0	32.4	31.5
MGII	527,300	564,300	45.0	46.0	28.9	29.0
SPK	5,500	-	0.5	-	0.3	-
Bil Perbendaharaan	20,000	20,500	1.7	1.6	1.1	1.1
Pinjaman luar pesisir	29,851	29,330	2.5	2.4	1.6	1.5
Pinjaman pasaran	26,224	26,157	2.2	2.1	1.4	1.3
Pinjaman projek	3,627	3,173	0.3	0.3	0.2	0.2
Jumlah	1,172,509	1,227,488	100.0	100.0	64.3	63.1
<i>Item memorandum:</i> Pemegangan hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	257,389	258,371	22.5	21.6	14.1	13.3

¹ Akhir Jun 2024

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

tidak melebihi had statutori yang ditetapkan di bawah perundangan berkaitan hutang. Hutang terkumpul MGS, MGII dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) mencatat 61.2% daripada KDNK iaitu di bawah had statutori 65%. Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) dan pinjaman luar pesisir juga masih di bawah had RM10 bilion dan RM35 bilion dengan jumlah hutang sebanyak RM6 bilion dan RM29.3 bilion.

Sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan adalah dalam denominasi ringgit yang merangkumi 97.6% daripada jumlah hutang manakala baki 2.4% dalam mata wang asing. Kebergantungan yang rendah kepada terbitan hutang dalam mata wang asing meminimumkan pendedahan Kerajaan kepada risiko tukaran asing. Komposisi instrumen patuh Syariah mencakupi MITB, MGII dan sukuk global mencatat 48.8% daripada jumlah hutang atau RM599.1 bilion (akhir 2023: 48.4%; RM567 bilion). Daripada jumlah ini, 96.6% atau RM578.8 bilion (akhir 2023: 96.5%; RM547.3 bilion) merupakan MITB dan MGII manakala baki merupakan sukuk global dalam

denominasi dolar AS dengan nilai RM20.3 bilion. Penerbitan instrumen patuh Syariah yang berterusan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam global.

Jumlah hutang terkumpul merangkumi tempoh matang dan jenis instrumen yang berbeza. Bil Perbendaharaan yang berjangka pendek dengan tempoh matang 3-, 6-, 9- dan 12-bulan berjumlah RM20.5 bilion manakala MGS dan MGII merupakan instrumen jangka masa sederhana dan panjang antara 3- hingga 30-tahun telah mencatat RM613.4 bilion dan RM564.3 bilion. Pinjaman luar pesisir pula mencatat sebanyak RM29.3 bilion terdiri daripada pinjaman pasaran RM26.1 bilion dan pinjaman projek RM3.2 bilion dengan tempoh matang antara 10- hingga 30-tahun. Pinjaman pasaran termasuk sukuk global dan bon Samurai manakala pinjaman projek dilaksanakan melalui perjanjian bilateral dan multilateral. Sebanyak 69.2% daripada jumlah pinjaman luar pesisir adalah dalam denominasi dolar AS diikuti oleh yen (30.6%) dan mata wang lain (0.2%).

JADUAL 4.4. *Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang, 2023 – 2024*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2023	2024 ³	2023	2024 ³	2023	2024 ³
Pemastautin	889,974	944,625	75.9	77.0	48.8	48.6
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	312,780	324,418	26.7	26.4	17.1	16.7
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	33,890	33,881	2.9	2.8	1.9	1.7
Syarikat insurans	59,714	64,012	5.1	5.2	3.3	3.3
Bank Negara Malaysia	54,511	64,048	4.6	5.2	3.0	3.3
Institusi perbankan	359,445	361,008	30.6	29.5	19.7	18.5
Institusi kewangan pembangunan	10,126	28,667	0.9	2.3	0.5	1.5
Lain-lain ¹	59,508	68,591	5.1	5.6	3.3	3.6
Bukan pemastautin	282,535	282,863	24.1	23.0	15.5	14.5
Pengurusan aset	94,757	91,569	8.1	7.4	5.2	4.7
Bank pusat/kerajaan	70,730	74,417	6.0	6.1	3.9	3.8
Institusi perbankan	55,271	56,569	4.7	4.6	3.0	2.9
Dana persaraan	47,317	47,080	4.1	3.8	2.6	2.4
Syarikat insurans	8,536	8,493	0.7	0.7	0.5	0.5
Lain-lain ²	5,924	4,735	0.5	0.4	0.3	0.2
Jumlah	1,172,509	1,227,488	100.0	100.0	64.3	63.1

¹ Termasuk institusi kewangan bukan bank, badan berkanun, syarikat penamaan dan amanah, syarikat kerjasama, sekuriti yang disimpan oleh pelabur institusi dalam bank pusat dan butiran yang tidak dapat diklasifikasikan

² Termasuk individu, syarikat bukan kewangan, institusi bilateral dan multilateral serta sektor yang tidak dapat dikenal pasti

³ Akhir Jun 2024

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pemegang hutang Kerajaan Persekutuan terdiri daripada pelabur pemastautin dan bukan pemastautin. Pada akhir Jun 2024, pemegang pemastautin mencatat RM944.6 bilion iaitu 77% daripada jumlah hutang. Institusi perbankan memegang komposisi terbesar sebanyak 29.5% diikuti oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (26.4%) dan Bank Negara Malaysia (BNM) (5.2%). Di samping itu, syarikat insurans memegang sebanyak 5.2% diikuti oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (2.8%), institusi kewangan pembangunan (2.3%) dan pemastautin lain (5.6%). Pemegang pelabur institusi jangka panjang yang lebih tinggi selaras dengan peningkatan terbitan kertas hutang jangka sederhana dan panjang. Keadaan ini mencerminkan strategi Kerajaan yang efektif dalam menguruskan profil kematangan hutang.

Pemegang bukan pemastautin dalam hutang Kerajaan Persekutuan secara amnya stabil pada RM282.9 bilion atau 23% daripada jumlah hutang dengan RM258.4 bilion sekuriti dalam denominasi ringgit meskipun kadar dasar global menyederhana. Syarikat pengurusan aset kekal sebagai pemegang bukan pemastautin terbesar dengan pegangan sebanyak 7.4% diikuti oleh bank pusat/kerajaan (6.1%) serta institusi perbankan (4.6%). Pelabur institusi jangka panjang seperti dana persaraan dan syarikat insurans memegang sebanyak 3.8% dan 0.7% daripada jumlah hutang.

Bayaran khidmat hutang (DSC) Kerajaan Persekutuan pada 2024 dianggarkan sebanyak RM50.8 bilion atau 15.8% daripada hasil (2023: RM46.3 bilion; 14.7%). Peruntukan DSC yang lebih besar disebabkan oleh defisit belanjawan

yang berterusan walaupun dengan trend penurunan. Perbelanjaan DSC diperuntukkan terutamanya bagi bayaran faedah dan keuntungan instrumen domestik sebanyak RM50 bilion manakala RM0.8 bilion untuk pinjaman luar pesisir. Kos pinjaman purata berwajaran bagi keseluruhan hutang dalam negeri pada akhir Jun 2024 adalah pada kadar 4.119% (akhir 2023: 4.124%). Selain itu, ciri sekuriti hutang Kerajaan berkadar faedah tetap mengurangkan pendedahan kepada risiko turun naik kadar faedah sepanjang tempoh matang.

Strategi pinjaman antaranya bermatlamat untuk mengurus risiko pembiayaan semula secara berkesan dengan mengekalkan profil kematangan yang seimbang. Pada akhir Jun 2024, komposisi hutang terkumpul dengan baki tempoh matang lebih lima tahun telah meningkat kepada 61.7% (akhir 2023: 58.3%). Sementara itu, komposisi sekuriti dengan baki tempoh matang lima tahun dan ke bawah

berkurang kepada 38.3% (akhir 2023: 41.7%). Sehubungan itu, tempoh matang purata berwajaran bagi sekuriti hutang terkumpul dianggarkan meningkat kepada 9.3 tahun pada akhir 2024 (2023: 9 tahun).

Hutang Luar Malaysia

Hutang luar Malaysia² meningkat sebanyak 6.9% kepada RM1,328.2 bilion atau 68.2% daripada KDNK pada akhir Jun 2024 (akhir 2023: 8.5%; RM1,242.6 bilion; 68.2%) didorong oleh peningkatan pinjaman luar pesisir sektor korporat dan deposit bukan pemastautin. Pinjaman luar pesisir yang merupakan komponen terbesar hutang luar meningkat kepada RM711.9 bilion terutamanya untuk pengurusan mudah tunai dan kunci kira-kira. Selain itu, pemegangan bukan pemastautin dalam sekuriti hutang berdenominasi ringgit meningkat sedikit kepada RM269.7 bilion. Hutang luar lain

JADUAL 4.5. Hutang Luar, 2023 – 2024

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2023	2024 ³	2023	2024 ³	2023	2024 ³
Pinjaman luar pesisir	666,531	711,925	53.6	53.6	36.6	36.6
Hutang jangka sederhana dan panjang	412,798	450,747	33.2	33.9	22.7	23.2
Sektor awam	145,962	150,180	11.7	11.3	8.0	7.8
Kerajaan Persekutuan	25,147	24,492	2.0	1.8	1.4	1.3
Syarikat awam	120,815	125,688	9.7	9.5	6.6	6.5
Sektor swasta	266,836	300,567	21.5	22.6	14.7	15.4
Hutang jangka pendek	253,733	261,178	20.4	19.7	13.9	13.4
Pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	269,500	269,659	21.7	20.3	14.8	13.8
Hutang jangka sederhana dan panjang	264,687	267,016	21.3	20.1	14.5	13.7
Kerajaan Persekutuan	252,550	254,523	20.3	19.2	13.8	13.1
Lain-lain ¹	12,137	12,493	1.0	0.9	0.7	0.6
Hutang jangka pendek	4,813	2,644	0.4	0.2	0.3	0.1
Deposit bukan pemastautin	137,505	146,294	11.1	11.0	7.5	7.5
Lain-lain²	169,019	200,317	13.6	15.1	9.3	10.3
Jumlah	1,242,555	1,328,196	100.0	100.0	68.2	68.2

¹ Termasuk sektor swasta dan syarikat awam

² Termasuk kredit perdagangan, peruntukan Hak Pengeluaran Khas IMF dan lain-lain

³ Akhir Jun 2024

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

² Hutang luar terdiri daripada pinjaman luar pesisir sektor awam dan swasta, pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin serta lain-lain hutang luar.

turut meningkat kepada RM200.3 bilion berikutan kredit perdagangan yang lebih tinggi terutamanya untuk tujuan import. Secara keseluruhan, hutang luar kekal terkawal mengambil kira profil kematangan dan mata wang yang terurus serta keperluan kehematan oleh BNM. Sebanyak 57.5% daripada jumlah hutang luar merupakan hutang yang akan matang dalam jangka masa sederhana dan panjang yang menunjukkan risiko pembiayaan semula diurus dengan baik. Dari aspek komposisi mata wang, satu pertiga daripada hutang luar adalah dalam denominasi ringgit manakala baki dalam mata wang asing.

Hutang Sektor Awam

Pada akhir Jun 2024, hutang sektor awam meningkat sebanyak 3.8% kepada RM1,638.1 bilion atau 84.2% daripada KDNK (akhir 2023: 6.6%; RM1,577.7 bilion; 86.5%) disumbangkan oleh peningkatan hutang

Kerajaan Persekutuan yang merangkumi 74.9% daripada jumlah hutang sektor awam. Di samping itu, hutang badan berkanun dijamin Kerajaan meningkat kepada RM102.5 bilion berikutan terbitan sekuriti hutang oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional untuk tujuan pengeluaran pinjaman perumahan dan pendidikan. Selain itu, hutang bersih bagi syarikat awam bukan kewangan (SABK) meningkat sedikit kepada RM308.1 bilion terutamanya berikutan aktiviti pembiayaan oleh Malaysia Rail Link Sdn Bhd. Walau bagaimanapun, kenaikan ini sebahagiannya diimbangi oleh bayaran balik prinsipal hutang SABK yang matang termasuk Khazanah Nasional Berhad dan Tenaga Nasional Berhad. Secara keseluruhan, pendedahan hutang sektor awam kepada risiko tukaran asing adalah rendah memandangkan 90.7% daripada jumlah hutang merupakan dalam denominasi ringgit.

JADUAL 4.6. *Hutang Sektor Awam, 2023 – 2024*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2023	2024 ¹	2023	2024 ¹	2023	2024 ¹
Kerajaan Persekutuan	1,172,509	1,227,488	74.3	74.9	64.3	63.1
Dalam negeri	1,142,658	1,198,158	72.4	73.1	62.7	61.6
Luar pesisir	29,851	29,330	1.9	1.8	1.6	1.5
Badan berkanun	99,058	102,528	6.3	6.3	5.4	5.3
Dalam negeri	99,058	102,528	6.3	6.3	5.4	5.3
<i>antaranya:</i> Dijamin	99,058	102,528	6.3	6.3	5.4	5.3
Luar pesisir	-	-	-	-	-	-
Syarikat awam bukan kewangan	306,133	308,106	19.4	18.8	16.8	15.8
Dalam negeri	188,926	184,944	12.0	11.3	10.4	9.5
<i>antaranya:</i> Dijamin	188,926	184,944	12.0	11.3	10.4	9.5
Luar pesisir	117,207	123,162	7.4	7.5	6.4	6.3
<i>antaranya:</i> Dijamin	35,630	39,323	2.3	2.4	2.0	2.0
Jumlah	1,577,700	1,638,122	100.0	100.0	86.5	84.2

¹ Akhir Jun 2024

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Tinjauan 2025





Strategi pembiayaan dan pengurusan hutang Malaysia yang kukuh telah mengurangkan potensi risiko dan membolehkan pelaburan berterusan dalam pembangunan negara meskipun persekitaran global yang mencabar. Ketika ini, inisiatif dan strategi yang dilaksanakan mula berhasil melalui trend penurunan pinjaman baharu dan pertumbuhan hutang seterusnya akan ditambah baik di bawah seliaan JRFL. Di samping itu, pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan pascapandemik dijangka terus berkurang dari 13.6% daripada KDNK pada 2021 kepada sekitar 10% pada 2025. Strategi pinjaman Kerajaan akan terus mengutamakan sumber daripada pasaran domestik dengan memanfaatkan kecairan dalam pasaran modal bagi mengurangkan pendedahan kepada risiko tukaran asing. Walau bagaimanapun, keperluan bagi pinjaman luar pesisir akan dinilai berdasarkan beberapa pertimbangan termasuk persekitaran pasaran kewangan global dan penerokaan struktur sukuk yang inovatif.

Kadar pertumbuhan hutang Kerajaan Persekutuan terus menunjukkan trend penurunan iaitu daripada 8.6% pada 2023 kepada hampir 7.5% pada 2024 dan kepada sekitar 6% pada 2025. Selain itu, nisbah hutang kepada KDNK diunjur kekal sekitar 64% pada akhir 2024 dan 2025. Melangkah ke hadapan, tumpuan perlu diberikan kepada usaha merancakkan pelaburan swasta bagi tujuan meningkatkan kapasiti dan produktiviti ekonomi seterusnya memacu pertumbuhan






negara. Pada masa yang sama, Kerajaan komited dalam mengutamakan pembaharuan fiskal melalui penjana hasil yang mampan dan mengoptimumkan perbelanjaan bagi mencapai paras hutang yang berhemat seperti termaktub di bawah Akta 850.

Kesimpulan

Dasar fiskal yang kukuh dan mampan penting dalam usaha Malaysia ke arah mencapai agenda pembangunan nasional dan melindungi kesejahteraan rakyat. Penambahbaikan tata kelola fiskal terutamanya melalui penetapan sasaran hutang jangka masa sederhana di bawah Akta 850 memerlukan pengukuhan disiplin fiskal dan kesegeraan pelaksanaan inisiatif pembaharuan. Pengurusan hutang dan strategi pinjaman yang efektif telah dilaksana bagi memastikan keupayaan Kerajaan memenuhi keperluan pembiayaan dan mengurangkan pendedahan risiko hutang. Sehingga kini, Kerajaan berupaya mendapatkan pembiayaan dengan kos keseluruhan yang lebih rendah di samping memanjangkan profil kematangan hutang. Permintaan terhadap kertas hutang Kerajaan kekal kukuh menunjukkan operasi pasaran yang lancar dan komunikasi yang jelas kepada peserta pasaran meskipun terdapat perubahan dalam strategi pinjaman. Secara keseluruhan, Kerajaan akan terus menambah baik pengurusan hutang dan menjadikan amalan terbaik antarabangsa sebagai penanda aras demi mencapai kemampanan hutang dalam jangka masa sederhana dan panjang.

RAJAH 4.1. Terbitan mengikut Tempoh Matang**RAJAH 4.2. Nisbah BTC Terbitan MGS dan MGII****RAJAH 4.3. Keluk Kadar Hasil Penanda Aras MGS****RAJAH 4.4. Kadar Hasil Indikator MGS****RAJAH 4.5. Komposisi Hutang Kerajaan Persekutuan**¹ Akhir Ogos 2024² Akhir Jun 2024

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

RAJAH 4.6. Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang**RAJAH 4.7. Pemegangan Hutang dalam Denominasi Ringgit oleh Bukan Pemastautin****RAJAH 4.8. Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Baki Tempoh Matang****RAJAH 4.9. Bayaran Khidmat Hutang****RAJAH 4.10. Profil Kematangan Hutang**¹ Akhir Jun 2024

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

SEKSYEN 5

Risiko Fiskal dan Liabiliti

81	PERSPEKTIF KESELURUHAN	
81	PENDEDAHAN HUTANG DAN LIABILITI	
81	JAMINAN KEWANGAN	Rencana - Mengurus Risiko: Memperkukuh Tadbir Urus Jaminan Kerajaan
91	KOMITMEN JAMINAN	
91	LIABILITI LAIN	
92	MITIGASI RISIKO KE ATAS PENDEDAHAN LIABILITI	
93	KESIMPULAN	

SEKSYEN 5

Risiko Fiskal dan Liabiliti

Perspektif Keseluruhan

Landskap ekonomi dunia kekal terdedah kepada risiko yang menjejaskan prospek pertumbuhan dipengaruhi oleh ketidaktentuan dasar global, ketegangan geopolitik yang berterusan serta turun naik harga komoditi dan pasaran kewangan. Walaupun Malaysia mempunyai pasaran domestik yang dinamik, namun masih terdedah kepada cabaran luaran yang memerlukan penekanan ke atas kepentingan pengurusan risiko fiskal yang berhemat oleh Kerajaan. Mengambil kira kemungkinan risiko tersebut, Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] menyediakan rangka kerja komprehensif untuk menguruskan risiko fiskal bagi memastikan kestabilan kedudukan fiskal. Rangka kerja ini menyediakan rujukan bagi pengurusan ke atas aspek kritikal dalam kewangan awam terutamanya pengurusan hutang, ketelusan serta tadbir urus liabiliti luar jangka. Selain itu, Kerajaan telah memperbaiki kaedah pelaporan iaitu peluasan takrifan bagi jaminan kewangan. Tambahan pula, satu rangka kerja baharu untuk pengurusan kerjasama awam swasta serta garis panduan pentadbiran entiti kuasi-fiskal telah diperkenalkan selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI bagi mencapai keseimbangan antara perkembangan ekonomi dengan disiplin fiskal melalui pendekatan seluruh negara.

Pendedahan Hutang dan Liabiliti

Sejak 2019, Malaysia komited dalam melaporkan pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan selaras dengan piawaian dan keperluan statistik di bawah Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) dan Public Sector Debt Statistics oleh IMF. Pelaporan keseluruhan

liabiliti terdiri daripada Hutang Kerajaan Persekutuan, komitmen jaminan serta komitmen kewangan daripada projek kerjasama awam swasta (PPP), inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan PBLT Sdn. Bhd. (PBLT). Sehingga akhir Jun 2024, hutang dan liabiliti adalah berjumlah RM1,596.8 bilion atau 82.1% daripada KDNK.

JADUAL 5.1. Pendedahan Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan, 2023 – 2024

KOMPONEN	RM BILION		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2023	2024 ¹	2023	2024 ¹
Hutang Kerajaan Persekutuan	1,172.5	1,227.5	64.3	63.1
Komitmen jaminan	227.4	231.4	12.5	11.9
Liabiliti lain	133.7	137.9	7.3	7.1
Jumlah	1,533.6	1,596.8	84.1	82.1

¹ Akhir Jun 2024

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Jaminan Kewangan

Kerajaan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan infrastruktur yang memerlukan pelaburan signifikan. Secara asasnya, barangan awam seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan dan kebajikan sosial dibiayai secara langsung melalui sumber fiskal. Sementara itu, instrumen kuasi-fiskal diguna pakai bagi pelaksanaan projek infrastruktur strategik yang merangkumi pembangunan bersama antara sektor awam dengan swasta serta keperluan pembiayaan pembangunan sosioekonomi. Kaedah pembiayaan ini mempunyai kelebihan kerana bukan sahaja

dapat mengurangkan beban kewangan awam malah meningkatkan kecekapan pelaksanaan melalui penyertaan sektor swasta.

Takrifan Jaminan Kewangan telah diperkenalkan menerusi Akta 850 yang merangkumkan jaminan di bawah empat Akta iaitu Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96], Akta Jaminan Pinjaman 1963 [Akta 412] dan Akta Jaminan Pinjaman 1972 [Akta 66]. Jaminan Kewangan ini adalah jaminan dengan budi bicara Kerajaan bagi memenuhi keperluan pendanaan projek infrastruktur tertentu dan pelbagai program pembiayaan lain. Pemberian jaminan mampu meningkatkan keyakinan pelabur serta menarik penyertaan sektor swasta dalam pembiayaan projek infrastruktur berskala besar dan pelaburan strategik lain yang memberikan manfaat sosioekonomi yang ketara. Pada akhir Jun 2024, Jaminan Kewangan berjumlah RM407.8 bilion atau 20.9% daripada KDNK iaitu lebih rendah daripada had 25% yang dinyatakan di bawah Jadual 1 Akta 850.

Jaminan di bawah Akta 96

Komponen pertama Jaminan Kewangan adalah jaminan di bawah Akta 96 iaitu entiti yang menerima jaminan Kerajaan bagi pembiayaan

JADUAL 5.2. *Jaminan Kewangan, 2023 – 2024*

KOMPONEN	RM BILION		BAHAGIAN DARI PADA KDNK (%)	
	2023	2024 ¹	2023	2024 ¹
Jaminan di bawah Akta 96	328.0	330.8	18.0	17.0
Jaminan di bawah Akta 61	72.0	77.0	3.9	3.9
Ikatan dan Sokongan	30.0	30.1	1.6	1.5
Skim Jaminan	42.0	46.9	2.3	2.4
Jumlah	400.0	407.8	21.9	20.9

¹ Akhir Jun 2024

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

